

Volume II
No. 21



Friday
12th August, 1960

PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN RA'AYAT
(HOUSE OF REPRESENTATIVES)

OFFICIAL REPORT

CONTENTS

ORAL ANSWERS TO QUESTIONS [Col. 2311]

MOTION—

**Report of the Education Review Committee, 1960 [Col.
2314]**

PRINTED AT THE GOVERNMENT PRESS
BY B. T. FUDGE, GOVERNMENT PRINTER
FEDERATION OF MALAYA

1961

FEDERATION OF MALAYA
DEWAN RA'AYAT
(HOUSE OF REPRESENTATIVES)

Official Report

Second Session of the First Dewan Ra'ayat

Friday, 12th August, 1960

The House met at 9.30 a.m.

PRESENT:

- The Honourable Mr. Speaker, DATO' HAJI MOHAMED NOAH BIN OMAR, S.P.M.J., P.I.S., J.P.
- „ the Prime Minister, Y.T.M. TUNKU ABDUL RAHMAN PUTRA AL-HAJ, K.O.M (Kuala Kedah).
- „ the Deputy Prime Minister and Minister of Defence, TUN ABDUL RAZAK BIN DATO' HUSSAIN, S.M.N. (Pekan).
- „ the Minister of Finance, ENCHE' TAN SIEW SIN, J.P. (Malacca Tengah).
- „ the Minister of Works, Posts and Telecommunications, DATO' V. T. SAMBANTHAN, P.M.N. (Sungei Siput).
- „ the Minister of Agriculture and Co-operatives, ENCHE' ABDUL AZIZ BIN ISHAK (Kuala Langat).
- „ the Minister of Transport, ENCHE' SARDON BIN HAJI JUBIR (Pontian Utara).
- „ the Minister of Health and Social Welfare, DATO' ONG YOKE LIN, P.M.N. (Ulu Selangor).
- „ the Minister of Commerce and Industry, ENCHE' MOHAMED KHIR BIN JOHARI (Kedah Tengah).
- „ the Minister of Labour, ENCHE' BAHAMAN BIN SAMSUDIN (Kuala Pilah).
- „ the Minister of Education, ENCHE' ABDUL RAHMAN BIN HAJI TALIB (Kuantan).
- „ TUAN SYED JA'AFAR BIN HASAN ALBAR, J.M.N., Assistant Minister (Johore Tenggara).
- „ ENCHE' ABDUL HAMID KHAN BIN HAJI SAKHAWAT ALI KHAN, J.M.N., J.P., Assistant Minister (Batang Padang).
- „ TUAN HAJI ABDUL KHALID BIN AWANG OSMAN, Assistant Minister (Kota Star Utara).
- „ ENCHE' V. MANICKAVASAGAM, J.M.N., P.J.K., Assistant Minister (Klang).
- „ ENCHE' ABDUL GHANI BIN ISHAK, A.M.N. (Malacca Utara).
- „ ENCHE' ABDUL RAUF BIN A. RAHMAN (Krian Laut).
- „ ENCHE' ABDUL SAMAD BIN OSMAN (Sungei Patani).
- „ TUAN HAJI ABDULLAH BIN HAJI ABDUL RAOF (Kuala Kangsar).

The Honourable TUAN HAJI ABDULLAH BIN HAJI MOHD. SALLEH, A.M.N. P.I.S.
(Segamat Utara).

- .. TUAN HAJI AHMAD BIN ABDULLAH (Kota Bharu Hilir).
- .. ENCHE' AHMAD BIN ARSHAD, A.M.N. (Muar Utara).
- .. ENCHE' AHMAD BOESTAMAM (Setapak).
- .. ENCHE' AHMAD BIN MOHAMED SHAH, S.M.J. (Johore Bharu Barat).
- .. TUAN HAJI AHMAD BIN SAAID (Seberang Utara).
- .. ENCHE' AHMAD BIN HAJI YUSOF, P.J.K. (Krian Darat).
- .. TUAN HAJI AZAHARI BIN HAJI IBRAHIM (Kubang Pasu Barat).
- .. ENCHE' AZIZ BIN ISHAK (Muar Dalam).
- .. DR. BURHANUDDIN BIN MOHD. NOOR (Besut).
- .. ENCHE' CHAN CHONG WEN (Kluang Selatan).
- .. ENCHE' CHAN SIANG SUN (Bentong).
- .. ENCHE' CHAN SWEE HO (Ulu Kinta).
- .. ENCHE' CHAN YOON ONN (Kampar).
- .. ENCHE' CHIN SEE YIN (Seremban Timor).
- .. ENCHE' V. DAVID (Bungsar).
- .. DATIN FATIMAH BINTI HAJI HASHIM, P.M.N. (Jitra-Padang Terap).
- .. ENCHE' HAMZAH BIN ALANG, A.M.N. (Kapar).
- .. ENCHE' HANAFI BIN MOHD. YUNUS, A.M.N. (Kulim Utara).
- .. ENCHE' HARUN BIN ABDULLAH, A.M.N. (Baling).
- .. ENCHE' HARUN BIN PILUS (Trengganu Tengah).
- .. TUAN HAJI HASSAN BIN HAJI AHMAD (Tumpat).
- .. ENCHE' HASSAN BIN MANSOR (Malacca Selatan).
- .. ENCHE' HUSSEIN BIN TO' MUDA HASSAN (Raub).
- .. ENCHE' HUSSEIN BIN MOHD. NOORDIN, A.M.N., P.J.K. (Parit).
- .. TUAN HAJI HUSSAIN RAHIMI BIN HAJI SAMAN (Kota Bharu Hulu).
- .. ENCHE' IBRAHIM BIN ABDUL RAHMAN (Seberang Tengah).
- .. ENCHE' ISMAIL BIN IDRIS (Penang Selatan).
- .. ENCHE' KANG KOCK SENG (Batu Pahat).
- .. ENCHE' K. KARAM SINGH (Damansara).
- .. CHE' KHADIJAH BINTI MOHD. SIDEK (Dungun).
- .. ENCHE' KHONG KOK YAT (Batu Gajah).
- .. ENCHE' LEE SECK FUN (Tanjong Malim).
- .. ENCHE' LEE SIOK YEW (Sepang).
- .. ENCHE' LIM JOO KONG (Alor Star).
- .. ENCHE' LIM KEAN SIEW (Dato Kramat).
- .. DR. LIM SWEE AUN, J.P. (Larut Selatan).
- .. ENCHE' LIU YOONG PENG (Rawang).
- .. ENCHE' MOHAMED BIN UJANG (Jejebu-Jempol).
- .. ENCHE' MOHAMED ABBAS BIN AHMAD (Hilir Perak).

- The Honourable ENCHE' MOHAMED ASRI BIN HAJI MUDA (Pasir Puteh).
- „ ENCHE' MOHAMED DAHARI BIN HAJI MOHD. ALI (Kuala Selangor).
- „ ENCHE' MOHAMED NOR BIN MOHD. DAHAN (Ulu Perak).
- „ DATO' MOHAMED HANIFAH BIN HAJI ABDUL GHANI, P.J.K. (Pasir Mas Hulu).
- „ ENCHE' MOHAMED SULONG BIN MOHD. ALI, J.M.N. (Lipis).
- „ TUAN HAJI MOKHTAR BIN HAJI ISMAIL (Perlis Selatan).
- „ NIK MAN BIN NIK MOHAMED (Pasir Mas Hilir).
- „ ENCHE' NG ANN TECK (Batu).
- „ DATO' ONN BIN JA'AFAR, D.K., D.P.M.J. (Kuala Trengganu Selatan).
- „ ENCHE' OTHMAN BIN ABDULLAH (Tanah Merah).
- „ ENCHE' OTHMAN BIN ABDULLAH (Perlis Utara).
- „ TUAN HAJI REDZA BIN HAJI MOHD. SAID (Rembau-Tampin).
- „ ENCHE' SEAH TENG NGIAB (Muar Pantai).
- „ ENCHE' D. R. SEENIVASAGAM (Ipoh).
- „ TUAN SYED ESA BIN ALWEE, S.M.J., P.I.S. (Batu Pahat Dalam).
- „ TUAN SYED HASHIM BIN SYED AJAM, A.M.N., P.J.K. (Sabak Bernam).
- „ ENCHE' TAJUDIN BIN ALI, P.J.K. (Larut Utara).
- „ ENCHE' TAN CHENG BEE, J.P. (Bagan).
- „ TAN PHOCK KIN (Tanjong)
- „ TAN TYE CHEK (Kulim-Bandar Bahru).
- „ DATO' TEOH CHZE CHONG, D.P.M.J., J.P. (Segamat Selatan).
- „ ENCHE' V. VEERAPPEN (Seberang Selatan).
- „ WAN MUSTAPHA BIN HAJI ALI (Kelantan Hilir).
- „ WAN SULAIMAN BIN WAN TAM, P.J.K. (Kota Star Selatan).
- „ WAN YAHYA BIN HAJI WAN MOHAMED (Kemaman).
- „ ENCHE' WOO SAIK HONG, P.J.K., J.P. (Telok Anson).
- „ ENCHE' YAHYA BIN HAJI AHMAD (Bagan Datoh).
- „ ENCHE' YEOH TAT BENG (Bruas).
- „ ENCHE' YONG WOO MING (Sitiawan).
- „ PUAN HAJJAH ZAIN BINTI SULAIMAN, J.M.N., P.I.S. (Pontian Selatan).
- „ TUAN HAJI ZAKARIA BIN HAJI MOHD. TAIB (Langat).
- „ ENCHE' ZULKIFLEE BIN MUHAMMAD (Bachok).

ABSENT:

- The Honourable the Minister of External Affairs, DATO' DR. ISMAIL BIN DATO' ABDUL RAHMAN, P.M.N. (Johore Timor).
- „ the Minister of the Interior, DATO' SULEIMAN BIN DATO' ABDUL RAHMAN, P.M.N. (Muar Selatan).
- „ ENCHE' CHEAH THEAM SWEE, Assistant Minister (Bukit Bintang).
- „ ENCHE' MOHAMED ISMAIL BIN MOHAMED YUSOF, Assistant Minister (Jerai).

The Honourable ENCHE' GEH CHONG KEAT (Penang Utara).

- „ TUAN HAJI HASAN ADLI BIN HAJI ARSHAD (Kuala Trengganu Utara).
- „ ENCHE' LEE SAN CHOON (Kluang Utara).
- „ ENCHE' T. MAHIMA SINGH, J.P. (Port Dickson).
- „ ENCHE' MOHAMED YUSOF BIN MAHMUD, A.M.N. (Temerloh).
- „ ENCHE' QUEK KAI DONG (Seremban Barat).
- „ ENCHE' S. P. SEENIVASAGAM (Menglembu).
- „ ENCHE' TAN KEE GAK (Bandar Malacca).
- „ TENGKU INDRA PETRA IBNI SULTAN IBRAHIM, J.M.N. (Ulu Kelantan).

IN ATTENDANCE:

The Honourable the Minister of Justice, TUN LEONG YEW KOH, S.M.N.

PRAYERS

(Mr. Speaker *in the Chair*)

ADJOURNMENT TO A LATER DAY

(Motion)

The Prime Minister: Mr. Speaker, Sir, I beg to move,

That this House at its rising this day do stand adjourned until the 12th of September, 1960, at 10 a.m.

The Deputy Prime Minister (Tun Abdul Razak): Sir, I beg to second the motion.

Question put, and agreed to.

Resolved,

That this House at its rising this day do stand adjourned until the 12th of September, 1960, at 10 a.m.

ORAL ANSWERS TO QUESTIONS

Wartawan

1. Enche' Ahmad Boestamam minta kapada Perdana Menteri menerangkan berapa orang-kah wartawan² yang berkhidmat dalam surat² khabar di-negeri ini yang telah di-tolak permin-taan-nya untuk mendapat surat akuan sa-bagai wartawan yang di-keluarkan oleh Pemerintah.

The Prime Minister: Tuan Speaker, bagi menjawab-nya, dalam tahun 1959 6; dan dalam tahun 1960 hingga penghujung bulan June, 6.

Enche' Ahmad Boestamam: Tuan Yang di-Pertua, dapat-kah Yang Ber-hormat Perdana Menteri memberi tahu, sebab² maka di-adakan penolakan itu?

The Prime Minister: Tuan Speaker, sebab²-nya bagini, bukan-lah *accreditation card* itu ada ma'ana-nya besar, chuma pada masa dharurat, sa-saorang itu yang mengaku diri-nya menjadi wartawan (reporter) hendak-lah ada keterangan, kerana pada waktu itu banyak reporter di-sini yang di-dapati sa-tengah²-nya tidak berpas dengan sa-benar-nya. Jadi itu-lah di-keluarkan *accreditation card* ini oleh Jabatan Penerangan.

2. Enche' Ahmad Boestamam minta kapada Perdana Menteri menerangkan siapa-kah atau pehak mana-kah yang mempunyai kata pemutus dalam menentukan dapat atau tidak-nya sa-saorang wartawan itu akan surat akuan sa-bagai wartawan yang di-keluarkan oleh Pemerintah ini.

The Prime Minister: Tuan Speaker, tadi saya tersilap, jawapan soalan No. 2 ini ia-lah Jabatan Penerangan.

Enche' Ahmad Boestamam: Tuan Yang di-Pertua, apa-kah bukan polis yang menjadi *final authority* memberikan kad² ini?

The Prime Minister: Bukan polis, Tuan Speaker.

3. Enche' Ahmad Boestamam minta kapada Perdana Menteri menerangkan atas alasan atau perhitungan apa-kah Pemerintah tidak memberikan surat

akuan sa-bagai wartawan kepada sa-saorang wartawan itu.

The Prime Minister: Tuan Speaker, pada lazim-nya, yang telah di-buat ialah manakala sa-saorang wartawan itu ada mempunyai rekod kesalahan jenayah yang di-hakimkan oleh Mahkamah atau pun kerana muslihat keselamatan negeri atau pun dipandang orang itu tiada layak memegang kad itu.

Enche' Ahmad Boestamam: Tuan yang di-Pertua, ada-kah rekod kesalahan sa-saorang itu, mithal-nya, dalam pergerakan politik, menjadi dasar juga atas penolakan ini?

The Prime Minister: Tuan Speaker, pada lazim-nya, tidak. Tetapi dalam pada itu pun hendak juga di-lihat, dia itu menjadi ahli politik dalam parti apa.

Enche' Zulkiflee bin Muhammad: Tuan Speaker, ada-kah berma'ana kalau orang itu menjadi ahli politik yang lain daripada parti Kerajaan, dia di-perijudiskan dalam hal ground penolakan permintaan ini?

The Prime Minister: Tuan Speaker, tidak.

Kereta-api penumpang di-antara Klang dengan Kuala Lumpur

4. Enche' V. David minta kepada Menteri Pengangkutan menerangkan mengapa-kah beliau memberhentikan perkhidmatan kereta-api penumpang di-antara Klang dan Kuala Lumpur.

The Minister of Transport (Enche' Sardon bin Haji Jubir): Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat itu harus menyiasat halus² sa-belum bertanya, kereta-api penumpang di-antara Klang ka-Kuala Lumpur itu tidak di-berhentikan ada berjalan sekarang ini.

Enche' V. David: Will the Honourable the Minister assure this House that even the goods traffic from Kuala Lumpur to Klang has not been stopped?

Enche' Sardon: It is a different question, Sir.

Enche' V. David: It is connected.

Enche' Sardon: It is stated "passenger" here, not "goods"!

Enche' V. David: I require an answer, Sir.

Mr. Speaker: He requires notice for that question.

MOTION

REPORT OF THE EDUCATION REVIEW COMMITTEE, 1960

Order read for resumption of Debate on Question—

"That this House approves in principle the policy recommended in the Report of the Education Review Committee, 1960. (Command Paper No. 26 of 1960)." (Minister of Education).

Question again proposed.

The Assistant Minister of Information and Broadcasting (Tuan Syed Ja'afar bin Hasan Albar): Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana Ahli Yang Berhormat daripada Ipoh telah menyebutkan ketegasan yang baharu² ini saya buat berkenaan mustahak-nya bahasa Inggeris dalam system pelajaran negeri ini, maka di-sini saya ingin menarek perhatian Ahli Yang Berhormat itu dan orang² yang sefahaman dengan-nya ia itu kemustahakan bahasa Inggeris yang saya tegaskan itu hanya-lah sementara waktu sahaja dan apakala bahasa Kebangsaan kita sudah kembang dan lengkap sudah chukup orang² kita yang boleh berfikir dengan bahasa Kebangsaan dan menulis, mengarang dalam serba lapangan ilmu pengetahuan dalam bahasa Kebangsaan kita, maka pada ketika itu tamat-lah riwayat kemustahakan bahasa Inggeris dalam system pelajaran negeri kita ini. Mutalamat ini-lah, Tuan Yang di-Pertua, yang kita sedang menuju kepada-nya dengan mengadakan Penyata yang di-hadapan kita ini. Pendek kata bahasa Inggeris bagi kita dalam negeri ini hanya-lah sa-bagai orang tawanan perang yang kita akan lepaskan dia apakala datang dan tiba masa-nya. Malang-nya, Tuan Yang di-Pertua, saya ulangi sa-kali lagi, malang-nya bahasa Inggeris itu telah berakar tunjang dalam system pelajaran negeri kita ini yang telah duduk dibawah pemerintahan Inggeris lebeh kurang 100 tahun lama-nya. Dan untuk menchabut akar tunjang itu bukan-lah

boleh di-buat dalam sa-tahun dua sa-bagaimana yang agak-nya di-angan²kan oleh Ahli² angan² yang fikiran mereka itu tidak jejak kebumi kenya-taan (*Tepok*).

Sa-kali lagi saya berkata, Tuan Yang di-Pertua, malang-nya bahasa Melayu, bahasa Kebangsaan kita telah di-sekat dan di-halang² kemajuan-nya oleh penjajah semenjak penjajah menjejakan kaki-nya di-bumi Melaka pada tahun 1511. Dari itu, Tuan Yang di-Pertua, kita di-negeri ini menghadapi dua masaalah yang besar ia-itu pertama hendak menchabut akar tunjang bahasa Inggeris dan kedua-nya meluas, mengembang dan memperbesarkan rum-pun bahasa Melayu itu sa-hingga ia menjadi akar tunjang system pelajaran di-negeri kita ini. Ini-lah dua masaalah besar yang telah di-chuba hendak di-pechahkan oleh Jawatan-Kuasa Pen-yemak itu dalam Penyata-nya yang di-hadapan kita pada hari ini. Dan saya memberi sa-tinggi² pujian dan tahniah kapada Jawatan-Kuasa Penyemak itu atas kejayaan-nya dalam perchubaaan yang sukar dan payah ini.

Tuan Yang di-Pertua, dalam negeri kita ini ada dua pandangan yang berlainan dan berlawanan berkenaan dengan soal bahasa dan kebudayaan. Satu pandangan daripada sa-tengah orang² Melayu yang melampau dan lagi satu pandangan melampau daripada sa-tengah² orang yang bukan Melayu. Kita tidak boleh marahkan orang² Melayu yang mempunyai fikiran² yang melampau berkenaan dengan soal bahasa dan kebudayaan Melayu kerana itu-lah bahasa dan kebudayaan negeri ini. Dan begitu juga kita tidak boleh marah dan hilang sabar terhadap orang² China yang mempunyai fikiran² dan pandangan² yang melampau tentang soal ini kerana mereka sa-lama ini telah di-ajar, di-asoh dan di-didek mengikut chara dan bentuk negeri asal mereka. Mereka telah tidak di-beri peluang untuk mempelajari, untuk memahami dan untuk *appreciate* bahasa dan kebudayaan Tanah Melayu ini.

Dalam menghadapi dua pandangan yang extreme ini kita harus menaruh perasaan sabar dan tenang kerana untuk menghapuskan dan mengikis pe-rasaan ta'asub dan fanatic itu bukan-lah

satu kerja yang mudah dan gampang. Ini-lah yang telah di-chuba oleh Jawatan-Kuasa Penyemak tetkala ia membuat chadangan²-nya dalam Pe-nyata ini berkenaan dengan soal bahasa dan kebudayaan. Tuan Yang di-Pertua, kita tidak harus marahkan atau hilang sabar terhadap gulongan² yang ta'asub dan fanatic itu tetapi yang patut kita marahkan malahan patut kita bertindak keras dan tegas ia-lah terhadap petualang² politik dalam negeri ini yang hendak menggunakan ta'asub dan *fanatic* orang² itu untuk mendapat kursi dalam Dewan ini sa-kali pun kursi yang ada dalam Dewan ini akan di-buat daripada tulang belakang manusia yang akan terkorban hasil daripada achoman mereka itu (*Tepok*). Kita, Tuan Yang di-Pertua, patut marah dan bertindak keras kapada petualang² communal yang sempit dan ta'asub itu bagi mendapat kuasa sa-kali pun mereka terpaksa mendirikan kuasa mereka di-atas mayat manusia yang akan jatuh bergelimpangan hasil hasutan² mereka itu. Tuan Yang di-Pertua, saya perchaya dan yakin ia-itu masa-nya akan sampai bagi orang² di-kawasan Ipoh dan Menglembu yang daripada-nya datang dua Ahli Yang Berhormat adek-beradek itu akan sedar bahawa sa-baik² jalan untuk memben-tok satu bangsa bagi Persekutuan ini ia-lah jalan yang di-tunjokkan oleh Penyata ini.

Pada masa dan ketika itu dua Ahli Yang Berhormat itu tentu terpaksa menchari tempat "*ayer keroh*", atau "*troubled waters*" untuk memasang pukut dan jerat, dan di-sini saya ingin memberi tahu siang² lagi kapada dua Ahli Yang Berhormat itu bahawa *troubled waters*, atau *ayer keroh* yang hendak di-chari esok oleh mereka itu tidak akan menjumpai-nya dalam Per-sekutuan Tanah Melayu ini. Mereka terpaksa menchari keluar negeri untuk mendapat dan memperoleh-nya. (*Tepok*). Di-sini saya ingin memberi ingatan supaya "*menyediakan payong sa-belum hujan turun*".

Enche' D. R. Seenivasagam (Ipoh): Mr. Speaker, Sir, I refer to Standing Order 36 (6) which says, "No member shall impute improper motives to any other member." and also to Standing

Order 36 (10) which says that "It shall be out of order to use words which are likely to promote feelings of ill-will or hostility between different communities in the Federation."

Mr. Speaker, Sir, are people allowed to grin and smile when another member is speaking?

Mr. Speaker: I have been reading this (*indicating Standing Orders*) and I have not seen anybody smiling.

Enche' D. R. Seenivasagam: On those two orders, I ask the speaker not to refer to matters which are communal or likely to promote feelings of ill-will and to impute improper motives.

Mr. Speaker: I must draw the attention of the speaker to Standing Order 36 (4) which says, "It shall be out of order to use offensive and insulting language about members of the House," and also to Standing Order 36 (6)—"No member shall impute improper motive to any other member."

Tolong-lah ingat dalam perchakapan perbahathan ini atas dua perkara. *Standing Order* ini mustahak—jaga baik² sadikit, kalau ada perbuatan demikian saya akan menahan daripada berbuat demikian.

Proceed!

Tuan Syed Ja'afar bin Hassan Albar:

Tuan Yang di-Pertua, saya fikir apa yang saya chakapkan tadi itu hanya sa-bagai jawapan ka-atas apa yang telah di-bangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Ipoh; walau bagaimana pun saya menghormati perintah dari Tuan Yang di-Pertua.

Saya ingin memberi ingatan kepada Ahli² Yang Berhormat dari Ipoh dan juga Menglembu bahawa chara mereka menghadapi soal pelajaran dalam negeri ini ada-lah ibarat orang "*bermain api*", dan saya bimbang yang mereka kedua-nya-lah yang akan menjadi "*mangsa yang pertama daripada api yang mereka mainkan itu*". Saya tidak berniat hendak menggunakan penyata yang ada di-hadapan Dewan ini untuk mengukur ta'at setia sa-saorang yang menerima atau menulak-nya tetapi pada pendapat saya penyata ini boleh-lah di-gunakan untuk mengukur "*niat jahat dan burok*" dan baik sa-saorang itu terhadap negeri ini.

Saya, Tuan Yang di-Pertua, tidak berhajat hendak mengugot sesiapa pun bagi menerima penyata ini, tetapi saya ingin menegaskan ia-itu orang² yang chuba hendak "*sabotage*" penyata ini sa-olah² hendak "*sabotage*" usaha² yang hendak membentok satu bangsa yang tunggal dalam negeri ini. Maka orang² yang sa-umpama itu ada-lah bekerja untuk kepentingan penjajah yang chuba hendak menchengkamkan kuku besi-nya kapada negeri ini.

Saya yakin dan perchaya bahawa sa-golongan kechil daripada keturunan China yang pada hari ini membuat ribut berkenaan penyata ini lambat-lau akan sedar bahawa apa yang dibuat oleh Perikatan pada hari ini ada-lah bagi kebaikan, kepentingan anak chuchu mereka yang akan datang. Kalau mereka pada hari ini berasa pahit dan berat untuk menerima penyata ini, maka memang-lah telah menjadi kebiasaan dan kelaziman bahawa sa-suatu yang baharu itu pada mula-nya di-rasakan pahit dan payah, tetapi lama kelamaan keadaan dan perasaan-nya itu akan bertukar.

Tuan Yang di-Pertua, saya tak dapat menahan diri daripada berasa hairan melihatkan telatah Ahli² Yang Berhormat dari Ipoh dan juga Menglembu, yang saya hairan bahkan saya tak dapat hendak memahamkan, kenapakah kedua²-nya itu berper² benar hendak menunjukkan diri-nya sabagai jagoh pembela bahasa dan kebudayaan yang mereka sendiri tidak faham dan erti. Kita boleh faham, kalau Ahli Yang Berhormat itu menuntut sa-bagaimana yang di-nyatakan dalam pidatu-nya dalam Dewan ini hari semalam, hari kelmarin, yang berkehendakkan supaya bahasa Inggeris itu di-kekalkan untuk selama²-nya dalam system pelajaran negeri ini, tetapi berkenaan dengan bahasa dan kebudayaan China itu, saya tak dapat hendak fahamkan.

Ahli Yang Berhormat dari Ipoh dalam ucapan-nya kelmarin telah chuba hendak membuat tafsiran² atas beberapa perkara dalam Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu mengenai soal bahasa dan kebudayaan ini. Di-sini, Tuan Yang di-Pertua, saya ingin hendak menegaskan ia-itu walau apa juga tafsiran yang hendak di-buat bagi memahamkan sa-suatu fasal dalam

perlembagaan itu, maka hendak-lah perlembagaan itu di-tujukan pada meujudkan satu bangsa yang kuat dan tulin dalam negeri ini dan tidak dapat kita hendak tarekkan perkara² dalam perlembagaan itu untuk merosakkan tujuan yang mulia ini.

Saya fikir itu-lah yang saya dapat ulaskan daripada ucapan Ahli Yang Berhormat dari Ipoh dan Menglembu, dan saya biarkan lain² point dan lain² butir² dalam ucapan-nya itu kepada rakan saya yang akan berchakap kelak. Berbalek pula pada ucapan Ahli Yang Berhormat dari Dato Kramat yang malang-nya pada pagi ini tak ada. Dalam ucapan-nya yang panjang lebar dan berlarut² itu, kita tak dapat hendak menangkap sa-suatu yang kongkrit daripada ucapan-nya itu, dan saya pun waktu mula² berchakap pada hari kelmarin telah menyatakan ia-itu pendirian Ahli² *Socialist Front* terhadap penyata ini ada-lah pendirian yang bingung dan kelam kabut, kerana yang menyebabkan pendirian *Socialist Front* menjadi kelam kabut dan bingung itu ia-lah *Socialist Front* itu ada-lah tertuboh dan terdiri daripada dua parti politik, atau pun chantoman dua parti politik yang masing² mempunyai pandangan dan pendirian yang bersendirian dalam soal bahasa dan kebudayaan. Parti Ra'ayat umpama-nya, tidak bersetuju dengan "*multi-lingualism*", tetapi Parti Buruh terang² dan tegas berkehendakkan "*multi-lingualism*" sabagaimana yang telah di-putuskan, dan di-buktikan oleh keputusan yang telah di-buat oleh *Socialist Front* dalam Dewan *City Council*, Pulau Pinang.

Saya, Tuan Yang di-Pertua, berasa kesal melihat telatah Ahli Yang Berhormat dari Dato Kramat, kerana nampak-nya beliau telah menggunakan kebajikan dan kemahiran-nya untuk mengelirukan pandangan Dewan ini dan orang ramai yang di-luar terhadap penyata yang ada di-hadapan Dewan ini. Saya hairan dalam ucapan Ahli Yang Berhormat itu semalam yang berulang² dia menegaskan tidak ada-nya guru² yang chukup dan buku². Berulang² kali dalam ucapan-nya itu menyebutkan perkara ini. Saya tak dapat-lah hendak memahami apa-kah tujuan Ahli Yang Berhormat itu,

ada-kah tujuan-nya supaya—oleh kerana tidak ada chukup guru² dalam bahasa Kebangsaan dan guru²—kita hapuskan sahaja pengajaran dan pelajaran bahasa Kebangsaan itu.

Kemudian Ahli Yang Berhormat dari Dato Kramat itu telah menghentam dengan tidak bertabek-kechuali (*Ketawa*) terhadap Dewan Bahasa dan Pustaka. Saya nampak bahawa Ahli Yang Berhormat itu chemburu agaknya, tak suka menengok kejayaan yang telah di-chapai oleh Dewan Bahasa dan Pustaka dalam umur-nya yang singkat dan pendek itu. Barangkali dia berasa takut dan bimbang yang bahasa Melayu itu akan berkembang biak melalui jasa dan khidmat daripada Dewan Bahasa dan Pustaka, dan barangkali chemburu menengokkan kejayaan Minggu Bahasa Kebangsaan yang di-anjorkan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka, maka inilah dia telah menchuba hendak mengecil²kan Dewan Bahasa dan Pustaka itu supaya orang ramai tidak akan memandang Dewan Bahasa itu sa-bagai tempat tumpuan untuk mengharapkan kebangkitan dan pembangunan bahasa Melayu. Dan kalau Ahli Yang Berhormat itu tidak nampak jasa Dewan Bahasa itu terhadap bahasa Melayu, maka itu bukan salah Dewan Bahasa, tetapi salah orang yang menyampaikan khabar kepada dia (*Tepok*). Berkenaan dengan pengeluaran buku², semalam Ahli Yang Berhormat itu telah menunjokkan satu risalah yang kecil kata-nya, ini-lah chontoh yang di-keluarkan oleh Dewan Bahasa (*Ketawa*) tujuan-nya tidak lain, Tuan Yang di-Pertua, ia-lah hendak memperkechilkan kerja² dan jasa² Dewan Bahasa itu. Tetapi kalau betul, itu-lah sahaja risalah yang di-keluarkan oleh Dewan Bahasa, maka kita boleh-lah agak-nya bersetuju dengan Ahli Yang Berhormat itu. Tuan Yang di-Pertua, di-tangan saya ini banyak dan berlonggok buku² keluaran Dewan Bahasa (*Tepok*) ia-itu *textbook* untuk sekolah menengah yang menggunakan bahasa kebangsaan. Ada-kah pernah Ahli Yang Berhormat itu chuba hendak membacha atau memerhatikan buku² ini? Kalau tidak larat dan tidak faham, tolong tengok sudah-lah. Jadi, dengan buku² yang ada di-hadapan saya ini nampak-lah kepada kita bahawa dalam

masa yang sengkat dan pendek itu Dewan Bahasa telah melangkah jauh ka-hadapan untuk memberi peluang kepada bahasa kebangsaan berkembang dalam negeri ini dan untuk menghadapi perubahan² kemajuan yang datang dari satu masa ka-satu masa. Jadi segala tuduhan² yang tidak berasas yang di-timbulkan oleh rasa chemburu—agak-nya—daripada Ahli Yang Berhormat itu berkenaan dengan jasa² Dewan Bahasa itu. Maka ini-lah saya meminta dan berharap Ahli Yang Berhormat dari Dato Kramat, kalau sa-kira-nya hendak berchakap berkenaan dengan Dewan Bahasa, berhati²-lah sedikit, dan saya minta beliau itu sa-belum berchakap supaya mendapat kenyataan² (*fact*) yang benar, kerana Dewan ini ada-lah satu Dewan yang di-pandang tinggi, dalam Dewan yang mulia ini kita tidak ingin melihat sa-saorang Ahli Yang Berhormat membuat kenyataan² yang dusta untuk mengelirukan orang ramai bagi satu² tujuan yang ia hanya sa-orang yang mengetahui-nya (*Tepok*).

Tuan Yang di-Pertua, sa-takat ini-lah sahaja yang dapat saya ulas daripada ucapan beliau itu, dan butir² yang lain itu saya memberi peluang kepada rakan saya di-sini (*Tepok*).

Enche' Mohamed bin Ujang (Jelebu-Jempol): Tuan Yang di-Pertua, yang sa-benar-nya, saya telah menduga ia itu Penyata yang sangat mustahak ini memang-nya tidak akan di-terima dengan sa-penoh-nya dan tidak akan memberi puas hati kepada semua penduduk yang berbagai keturunan di-negeri ini, kerana penduduk yang berbagai keturunan ini mesti-lah hendak memperjuangkan hak bangsa, bahasa, kebudayaan dan sa-bagai-nya sendiri. Ahli Yang Berhormat dari Menglembu menchadangkan supaya Penyata ini di-buat oleh satu Surohanjaya Bebas. Walau pun kedudukan itu bebas, ia tidak akan dapat memuaskan hati semua ra'ayat, kerana sa-lagi kita tidak menumpukan ta'at setia kepada negeri ini, Penyata ini tidak akan dapat di-terima. Yang sa-benar-nya saya menganggap Penyata ini ada-lah satu perkara yang sangat penting sa-kali, kerana Penyata ini akan dapat mengada atau

mewujudkan satu bangsa yang bersatu atau "*United Malayan Nation*" dalam negeri ini, dan saya berpendapat mewujudkan "*United Malayan Nation*" ini ada-lah satu perkara yang sangat penting sa-kali, kalau tidak lebeh pun sama penting-nya dengan kemerdekaan, sebab kalau kita tidak dapat mengadakan satu bangsa yang bersatu, kemerdekaan tidak ada guna-nya.

Walaupun pada mula-nya saya tidak menyangka perkara ini boleh di-terima dengan sa-penoh-nya, saya tidak pula menyangka betul², perkara ini ada pertentangan dan kechaman yang hebat daripada pembangkang. Ahli Yang Berhormat dari Ipoh telah membuka satu riwayat mengatakan: apabila Penyata Razak dahulu di-ishtiharkan telah terbit rusohan ia-itu rusohan budak² sekolah. Sa-telah rusohan itu selesai timbul-lah satu atoran yang chukup baik, telah mengadakan satu rombongan yang hendak menyampaikan usul itu kepada Kerajaan. Jadi saya hairan, di-mana datang-nya orang yang baik itu dengan tiba² daripada rusohan itu? Saya rasa tujuan Ahli Yang Berhormat dari Ipoh membongkar atau menceritakan riwayat itu, tidak lain dan tidak bukan, sa-mata² hendak menakutkan ra'ayat dan kita supaya Penyata ini jangan di-terima.

Mr. Speaker: Saya suka hendak mengingatkan lagi ia-itu mengikut Standing Order 36 (6) "No member shall impute improper motives to any other member." Saya sudah selalu mengingatkan, jaga sedikit berchakap.

Enche' Mohamed bin Ujang: Terima kaseh, Tuan Yang di-Pertua, saya rasa, saya tidak berchakap "*improper motives*" kalau Tuan Yang di-Pertua, kata tidak boleh, perkataan itu saya tarek balek.

Mr. Speaker: Tidak boleh!

Enche' Mohamed bin Ujang: Tetapi, saya harap-lah kerja-sama dan jasa baik Ahli Yang Berhormat dari Ipoh itu manakala Penyata ini di-terima, saya perchaya mesti di-terima, ia akan menchuba dengan sa-boleh-nya supaya perkara ini jangan-lah timbul lagi.

Soal mengadakan satu bangsa yang bersatu, Tuan Yang di-Pertua, saya rasa ada-lah satu chabaran kepada kita. Chabaran bukan kepada wakil ra'ayat sahaja tetapi juga kepada semua ra'ayat yang ta'at setia kepada negeri ini. Dan chara kita hendak menjawab chabaran itu ada-lah dengan meluluskan Penyata ini. Kalau kita meluluskan Penyata ini berma'ana-lah kita telah menunaikan, bukan sahaja kewajipan kita, tetapi juga kewajipan anak² kita untuk menerima-nya di-masa yang akan datang. Tuan Yang di-Pertua, wakil daripada PAS samalam telah menyokong pada dasarnya akan Penyata ini akan tetapi sambil menyokong itu wakil daripada Bachok telah menegor dan mengecham semua bahagian Penyata ini yang mana saya rasa sokongan itu tidak ada berma'ana, ma'ana-nya chakapan-nya atau chontoh-nya itu tidak ada yang elok. Saya bagi-lah satu mithalan, dia mengatakan bahawa Kerajaan Perikatan sangat² utamakan darjah atau pun mutu pada hal dia mengatakan biar-lah darjah itu kurang asal murid-nya ramai. Menurut kata-nya sendiri, "pada chempedak biar-lah nangka, pada tidak biar-lah ada." Tetapi saya fikir, Tuan Yang di-Pertua, kalau ada biar-lah ada betul², kalau ada sa-tengah masak, saya ta'mahu. Jadi, kalau begitu-lah dasar-nya atau nasehat-nya yang di-bagikan kepada kita oleh wakil PAS itu saya tidak mahu menerima-nya. Kita tidak mahu, professor dan doctor berselerak di-tengah jalan tetapi ilmu-nya tidak ada.

Satu lagi, Tuan Yang di-Pertua, saya nampak bak kata Yang Berhormat Menteri Penerangan dan Siaran Radio tadi, Parti Socialist memang tidak ada pendirian di-atas soal ini. Sa-telah wakil dari Dato Kramat berchakap berjam² lama-nya satu keputusan yang kita dapat, dia tidak menyokong laporan ini kerana lama kelamaan laporan ini akan mengutamakan bahasa Inggeris: itu-lah alasan-nya. Jadi, saya rasa memang nyata-lah ada jalan² yang Penyata ini bahasa Inggeris akan jadi bahasa nombor 2 tetapi bahasa Melayu akan jadi bahasa nombor 1. Jadi, saya nampak kedudukan ahli Socialist

sudah serba salah kalau hendak menyokong Penyata ini, nanti hilang-lah pengaruh-nya pada orang² lain, kalau tidak sokong pula nanti orang² Melayu hilang kaperchayaan-nya. Jadi, kepada ahli Front Socialist ini, saya merayu-lah jangan-lah di-utamakan kursi, hendak-lah utamakan kepetingan negeri ini. Saya nampak, Tuan Yang di-Pertua menggeleng² kepala itu (*Ketawa*).

Mr. Speaker: Itu dekat hendak masuk 36 (b) sebab itu-lah saya menggeleng. Proceed.

Enche' Mohamed bin Ujang: Sa-kali lagi, saya merayu kepada pehak pembangkang sana terutama sa-kali P.P.P. dan Front Socialist ketepikan-lah soal itu dahulu, mari-lah kita sama² mengadakan satu bangsa bersatu dalam Persekutuan Tanah Melayu.

Tuan Haji Ahmad bin Saaid (Seberang Utara): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun menyokong di-atas penyata yang telah pun di-buat oleh Jawatan-Kuasa Penyemak Dasar Pelajaran dan ada perkara² yang saya ingin kemukakan untuk menarek perhatian Yang Berhormat Menteri Pelajaran bagi kebaikan atas pelaksanaan dasar pelajaran ini. Sa-belum daripada itu saya ingin berchakap di-atas tegoran² dan hujah² yang di-kemukakan oleh beberapa orang ahli daripada pehak pembangkang. Saya perchaya kalau-lah hujah² dan tegoran² serta nasehat itu merupakan nasehat² yang sesuai dan membena, tetap sekali bagi pehak Kerajaan khas-nya Yang Berhormat Menteri Pelajaran akan menerima dengan sukachita-nya. Tetapi malang-nya ada juga Ahli² Yang Berhormat yang telah mengeluarkan fikiran² yang mengelirukan ra'ayat jelata sa-hingga maksud dalam perlembagaan itu di-pesongkan kepada maksud yang sa-benar-nya yang di-sebutkan itu. Saya tujukan khas-nya kepada Yang Berhormat wakil Ipoh pada waktu beliau mengulaskan Article 152. Tuan Yang di-Pertua, saya bukan-lah sa-orang peguam, tetapi nampak-nya Yang Berhormat itu sengaja hendak mengelirukan. Di-sini di-sebutkan bahawa bahasa

Kebangsaan itu ia-lah bahasa Melayu—

“The national language shall be the Malay language and shall be in such script as Parliament may by law provide:

Dengan syarat—

- (a) no person shall be prohibited or prevented from using (otherwise than for official purposes), or from teaching or learning, any other language;”

tadi Yang Berhormat itu mengatakan dengan ada-nya penyata ini, bahawa perkataan² yang di-tegah penggunaan bahasa² lain daripada bahasa Kebangsaan. Ini ada-lah satu perkara yang tidak benar dan tuduhan yang palsu. Kebebasan bukan sahaja bahasa China dan India bahkan 8 bahasa lain bagi kumpulan² yang kecil di-bebaskan berchakap, di-bebaskan belajar dan mengajar.

Ini ada-lah perkara yang sangat mengelirukan ra'ayat jelata. Dan kata pula saudara itu ia-itu dengan ada-nya penyata ini akan meleborkan bahasa China dan bahasa India. Saya berasa dukachita, kerana pada masa dahulu sekolah² sa-lain daripada bahasa Kebangsaan itu chuma di-beri separoh bantuan. Mengikut penyata ini akan di-beri penoh bantuan dengan syarat bahasa Kebangsaan itu di-wajibkan ajar dalam sekolah² ini. Ini bukan-kah menjadi satu kesenangan kepada orang² yang lain belajar bahasa Kebangsaan dan Inggeris dengan perchuma. Pada masa dahulu Sekolah² China dan Tamil yang menerima bantuan itu, murid²-nya kena bayaran duit sekolah itu di-antara \$15 dan \$16 sa-bulan dan juga membeli buku² hingga \$100 sa-tahun. Tetapi, sekarang ini Kerajaan beri bantuan yang sa-penoh-nya. Ada-kah dengan perbuatan ini membunuh dan meleborkan bahasa² daripada puak² yang kecil itu? Ini perkara yang mustahil sekali, oleh itu saya berharap jangan-lah Ahli Yang Berhormat wakil Ipoh khas-nya memutar belitkan apa yang sa-benar-nya yang terkandung dalam Perlembagaan itu.

Pada pendapat saya di-atas penyata ini ada empat kesimpulan yang besar. Yang pertama, bahasa Melayu di-bena, di-perluas dan di-pertinggikan sa-hingga matalamat-nya akan sampai

jadi bahasa untuk University kita sa-bagai bahasa kegunaan untuk beberapa faculty dalam University kita di-masa hadapan.

Yang kedua, dengan bahasa Melayu perpaduan antara bangsa dalam Persekutuan Tanah Melayu ini akan bertambah rapat dan rapi dan sa-faham dengan hidup berbaik sangka di-antara satu sama lain. Untuk mengembangkan, memperluaskan dan mempertinggikan bahasa Melayu sa-hingga kepada matalamat kita itu, maka perlu di-gunakan sekarang ini bahasa Inggeris. Dengan chara kita menggunakan bahasa Inggeris, dengan chara menggalakkan anak² kita mempelajari bahasa Inggeris maka kita tambahkan pengetahuan kita, dengan chara mendapat ijazah² kelulusan bagi “Faculty of Science, Medicine (Perubatan), Law (Ilmu Undang²), Agriculture (Pertanian)” dan lain² dan orang² kita yang tidak tahu dan fahamkan melalui saluran rendah sa-hingga ka-Sekolah Menengah menerusi bahasa Kebangsaan dapat belajar daripada orang² yang berijazah dan orang² ini dapat pula menterjemahkan ilmu pengetahuan yang di-dapati-nya daripada saluran bahasa Inggeris kepada bahasa Kebangsaan (Melayu).

Dengan ini, Tuan Yang di-Pertua, sama-lah mustahak-nya di-pelajari bahasa Inggeris itu sekarang ini.

Yang ketiga, atau kesimpulan yang ketiga mengenai bahasa² kaum² yang kecil. Penggunaan-nya di-bebaskan dan di-beri bantuan penoh untuk menggalakkan mereka itu belajar bahasa masing² saperti mana yang saya katakan tadi.

Yang ka-empat, ada-kah penyata ini “saya chabar barang siapa yang boleh mengatakan” berlawanan dengan Perlembagaan?

Sa-benar-nya penyata ini menepati apa yang terkandung dalam Article 12 berkenaan dengan education (pelajaran) dan juga menepati Article 152 Perlembagaan Persekutuan. Saya berharap Yang Berhormat itu jikalau hendak mendatangkan tegoran biarlah hendak-nya tegoran yang menasabah, jangan-lah jadi macham “*alim pelita*” chahaya-nya menerangkan

yang luar, di-buntut-nya gelap sekeliling—dia pandai mengajar anak² orang lain hal anak chuchu-nya menjadi *jahil*. Ini satu perkara yang saya sangat dukachita.

Saya ingin menzahirkan fikiran saya dan saya tujukan kepada Menteri Pelajaran supaya beliau mengambil perhatian kalau sesuai boleh-lah dilaksanakan. Pada masa melaksanakan dasar ini, saya ingin menyatakan atas satu perkara naik darjah dengan tidak ada peperiksaan resmi, chuma ada peperiksaan dugaan yang di-beri laporan kepada ibu bapa-nya. Peperiksaan dugaan ini saya minta kepada Yang Berhormat Menteri Pelajaran supaya awasi dengan baik, di-atas segala kertas peperiksaan dan chara² memereksa-nya, saya shorkan tiap² sekolah yang terbaik dalam sa-suatu kumpolan itu di-adakan satu Jawatan-Kuasa sendiri terdiri daripada guru, atau pun terdiri daripada Pegawai² Pelajaran untuk mengawasi-nya berkenaan dengan peperiksaan itu. Jikalau tidak di-awasi, saya perchaya ada guru, “kalau saya menjadi guru saya sendiri akan beri kertas peperiksaan kepada murid² saya yang senang jawab-nya dan selalu murid² saya akan mendapat kelulusan yang tinggi daripada 70 peratus ka-atas.” Tetapi, manakala datang daripada darjah VI hendak pergi ka-Form I, guru² itu berasa pening kepala-nya, kerana murid² yang dari bawah itu tidak di-beri pelajaran yang sa-patut di-beri; tunaikan kewajipan yang sa-patut terhadap pelajaran kepada kanak² itu. Ini ia-lah untuk menjaga supaya guru² itu tunaikan kewajipan masing².

Yang kedua, saya ingin menarek perhatian berkenaan dengan peperiksaan darjah VI. Darjah VI tak ada peperiksaan resmi, chuma peperiksaan dugaan masok ka-Sekolah Menengah. Ini pun chuma orang yang ingin hendak masok Sekolah Menengah sahaja. Saya minta supaya di-adakan peperiksaan resmi pada murid² darjah VI dan di-berikan sijil kelulusan resmi kepada tiap² sa-orang yang lulus, jikalau tidak di-buat sedemikian maka penghargaan pengajian mereka itu tidak ada ma’ana. Sekarang ini budak² tidak ada perlumbaan hendak

mendapat sijil pangkat satu, mereka tidak tekun belajar; dengan ada-nya peperiksaan resmi itu murid² di-beri sijil sekurang²-nya mereka itu boleh buat kenangan² di-rumah.

Saya mithalkan murid² darjah VI di-sediakan sijil pangkat A, B, C dengan chara peperiksaan resmi mudah²an tidak payah di-adakan peperiksaan dugaan masok sekolah menengah. Kalau di-kehendaki sa-ramai 30 peratus maka dengan mudah-nya di-ambil daripada murid² yang mendapat markah tinggi sekali sa-ramai 30 peratus dan di-hantar ka-Sekolah Menengah. Dengan ini mudah sahaja di-jalankan, dan bagi murid² bangsa asing yang ambil peperiksaan bahasa Kebangsaan dalam darjah VI akan di-beri sijil peperiksaan bahasa Kebangsaan darjah VI dan dia akan bermegah dengan sijil yang di-beri itu yang berma’ana dia telah lulus darjah VI. Ini menggalakkan anak² kita berlumba² menuntut pelajaran.

Yang ka-empat, saya ingin sebut berhubung dengan penyata ini berkenaan dengan scholarship atau biasiswa sa-banyak 10 peratus itu hendak-lah di-beri kepada orang² yang sepatut-nya menerima, dan jangan-lah di-beri kepada orang yang ibu bapa-nya ada mampu yang boleh membayar bayaran sekolah dan lain², kalau di-beri juga scholarship itu tak ada ma’ana-nya, mesti-lah di-beri kepada yang sa-benar-nya patut mendapat scholarship.

Tuan Yang di-Pertua, yang ka-lima, berkenaan dengan latehan guru². Kita berkehendakkan banyak guru untuk mengajar Sekolah Menengah yang bahasa penghantar-nya bahasa Melayu. Di-sini saya berharap-lah kepada Yang Berhormat Menteri Pelajaran supaya gunakan bahan² yang ada pada kita ia-itu “potential that we have now” untuk menjadi kegunaan yang besar kepada kita, yang saya maksudkan itu ia-lah guru² yang lulus dari Sultan Idris Training College. Dalam soal bahasa Kebangsaan, saya perchaya tidak ada siapa guru² lain kelulusan boleh mengatasi guru² latehan Sultan Idris Training College. Sebab guru² bahasa Kebangsaan yang sa-penoh-nya dan patut di-beri satu latehan yang khas kepada

mereka itu untuk menjadi guru² Sekolah Menengah dengan memberi peluang untuk melayakkan diri mereka itu di atas apa perkara pengetahuan yang mereka itu kekurangan, mithalnya di-Sekolah Menengah di-kehendaki pengajaran ilmu sains atau pun ilmu kira² (mathematics) yang tinggi, maka hendaklah di-beri satu "course" yang khas sa-lama 6 bulan atau sa-tahun. Beri peluang kepada orang yang mahu dan ingin melayakkan diri-nya sahaja, tetapi orang yang tidak mahu melayakkan diri-nya tinggalkan sa-belah. Dengan chara ini, Tuan Yang di-Pertua, perkara guru² yang akan mengajar di-sekolah menengah mudah dan banyak boleh di-dapati dan senang kita adakan Sekolah Menengah berbahasa Melayu yang kita chita²kan itu.

Sa-perkara lagi, ia-lah berkenaan dengan ajaran agama. Saya telah lama ternanti² dan tertunggu² berkenaan dengan Bab 49 semenjak tahun 1957 sa-hingga hari ini tidak juga di-laksanakan. Saya harap Yang Berhormat Menteri yang bertanggung jawab akan melaksanakan pada penggal permulaan tahun 1961. Perkara ini boleh di-jalankan, bukan-nya payah. Kalau hendak chari guru² yang berkelulusan tinggi seperti Azhar University, tentu susah, tetapi untuk sukatan pelajaran agama fardzu 'ain sahaja tidak payah, kerana penuntut² dari Sekolah² Menengah Arab yang ada dalam Tanah Melayu berpuluh dan beratus, kita beri peluang kepada penuntut² ini dengan chara kontrek seperti kita kontrek doktor² dari India; umpama-nya kita beri 3 tahun, sambil dia mengajar, dia boleh belajar untuk melayakkan diri-nya menjadi guru yang sesuai dengan kehendak Kementerian di atas kebolehan-nya. Perkara ini saya fikir dapat di-laksanakan.

Bagi pehak kami di-sana, Juma'ah Pengurus sendiri telah mengadakan guru² agama, gaji-nya di-tanggung oleh Juma'ah Pengurus sendiri dan kami telah menuntut mengadakan guru² agama semenjak tahun 1958, saya harap di atas perkara ini Yang Berhormat Menteri yang bertanggung jawab akan mengambil perhatian yang berat. Dan juga banyak sekolah² yang lain daripada sekolah bahasa Kebangsaan ia-itu sekolah² Inggeris yang ada

murid² Melayu di-dalam-nya tertinggal, tidak tahu langsung berkenaan dengan hal agama, ini ada-lah satu perkara yang sangat mendukachitakan, dan saya harap sekolah² seperti Convent dan lain² itu di-beri guru² untuk mengajar hal agama.

Tuan Yang di-Pertua, sekian-lah sahaja pandangan saya untuk perhatian Yang Berhormat Menteri Pelajaran.

Enche' Khong Kok Yat (Batu Gajah): Mr. Speaker, Sir, may I refer to Standing Order 35 (1) which says:

"A member desiring to speak shall rise in his place and if called upon shall stand and address his observations to the Chair. No member shall speak unless called upon by the Chair."

We from the Opposition seemed to have been forgotten this morning.

In spite of the fact that if you, Mr. Speaker, Sir, were now to call upon the other speakers, we would still be left behind in replying to any allegations or counter-allegations made by the Government Bench and from the Back Benches.

Mr. Speaker: What is your point of order?

Enche' Khong Kok Yat: We are being ignored, Mr. Speaker, Sir.

Mr. Speaker: You will catch my eye later on.

Enche' Abdul Ghani bin Ishak (Malacca-Utara): Tuan Yang di-Pertua, berchakap dalam kita membahathkan Dasar Pelajaran yang kita kaji sa-mula baharu² ini, saya suka menarek perhatian kepada Dewan ini ia-itu sa-tengah² pehak pembangkang, pada mula-nya menyatakan bahawa Dasar Pelajaran yang kita kaji ini di-bentang atau di-timbangkan dengan chara yang terburu². Ini saya patut-lah menegaskan sa-mula ia-itu dalam soal pelajaran, terutama sa-kali pelajaran kebangsaan ini, kita bukan-lah hanya baharu mengikuti-nya sejak kita di-pilih mewakili ra'ayat atau pun di-tugaskan dalam kerja ini. Yang sa-benar-nya perkara ini telah timbul semenjak sa-belum merdeka lagi atau pun semenjak persekolahan ada di-tanah ayer kita. Apakah sebab-nya semua ra'ayat bersatu-padu menuntut kemerdekaan? Tidak

lain dan tidak bukan, kerana kita daripada pandai membuat kapal layar, senjata² yang boleh di-tandingkan dengan bangsa lain dalam dunia ini, sa-hingga-lah kita pandai membuat kereta lembu. Puncta yang pertama sa-kali yang kita nampak perkara ini ada-lah kita kaji daripada sa-bilang sa'at dalam kehidupan kita. Dan kiranya dasar yang di-kaji ini di-lambatkan lagi, nyata-lah perkembangan pelajaran pada masa akan datang, lagi lambat, dan kita tidak boleh berbangga sa-bagai satu bangsa yang merdeka untuk sama maju dalam dunia ini dengan bangsa lain.

Sekarang saya berbalek sa-mula kapada hal² yang di-bangkitkan oleh sa-tengah² pehak pembangkang yang menyatakan dalam Penyata ini hanya benda² kosong atau pun perkara² yang saya rasa tentu-lah pehak pembangkang ini menyatakan benda yang kita buat, yang kita tapis dan timbangkan ini tidak memberi guna. Tetapi sayang! Tuan Yang di-Pertua, kalau kita semak balek keterangan² yang di-beri oleh Penyata ini, nyata-lah sa-bahagian daripada pehak pembangkang ini pada masa kita mengkaji, mendatangkan fikiran, untuk menimbangkan supaya kita dapat fikiran² daripada luar atau pun daripada orang yang memandang berat dalam soal pelajaran, ada di-antara-nya tidak mahu menghantar sa-charek kertas pun untuk di-timbangkan. Tiba² di-Dewan ini mereka menepok dada atau pun beria² benar untuk memberikan fikiran dalam masa perbahathan yang 1-2 hari ini. Jadi, dengan ini saya menyeru kapada seluroh orang yang bertanggung-jawab berkenaan dengan hal pelajaran ini, mari-lah kita mengikut soal perkembangan pelajaran ini pada sa-tiap sa'at, bukan hanya dalam perbincangan sahaja.

Saya ada mendengar ia-itu pehak pembangkang merasa ragu² berkenaan dengan Penyata ini, kalau²-lah, sa-bahagian daripada anak² perempuan kita tidak di-pertanggung-jawabkan, untuk di-didek pada masa akan datang. Dalam ucapan Yang Berhormat Menteri Pelajaran sa-waktu mengemukakan usul ini untuk di-timbangkan oleh Dewan ini ada di-sebutkan ia-itu satu lagi espek yang mustahak bagi

Penyata ini ia-lah menitek-beratkan pelajaran perdagangan, "vocational" untuk murid² perempuan dan laki², bukan-kah ini kita telah timbangkan, dan dalam hal itu tentu-lah, kita tidak sebutkan satu² perkara, melainkan apa yang di-laksanakan nanti bagi Kementerian Pelajaran dan yang bersangkutan ada-lah memandang berat, kerana tidak-lah boleh sa-suatu negara, sa-suatu bangsa itu maju, kalau hanya bagi pehak laki² sahaja yang di-majukan, orang perempuan-nya kita tinggalkan begitu sahaja.

Sa-lain daripada itu bagi pehak saya sendiri apabila mendengar ucapan wakil² P.P.P. sama ada Ahli Yang Berhormat dari Ipoh mahu pun Menglembu yang berchakap sa-malam, saya rasa ucapan itu ada-lah biasa sahaja, tidak-lah saya risaukan sedikit pun, kerana fikiran yang di-keluarkan oleh wakil² P.P.P. itu hanya-lah memandangkan pada masa ini sahaja. Pada masa ini perkara itu boleh-lah di-bangkit²-kan atau di-suara²-kan, kerana kita belum lagi dapat menchipta dengan erti-kata yang sa-benar-nya satu bangsa yang tunggal dalam tanah ayer kita ini. Saya suka memberi pandangan kapada Ahli Yang Berhormat itu di-Melaka mithal-nya, orang² China di-sana telah datang sejak negeri Melaka di-buka dan mempunyai Sultan sa-hingga sekarang ini boleh-lah di-katakan bahasa perantaraan di-antara orang Melayu dengan orang China di-Melaka sa-bahagian besar-nya ia-lah bahasa Melayu, tetapi saya tidak nampak kebudayaan orang China itu boleh hilang, mereka maseh lagi menyembah "Tok Pekong" mengutamakan kebudayaan China. Jadi soal-nya sekarang, umpama-nya saya sendiri mahu hidup dengan rasa yang betul²

Mr. Speaker: Menyembah "Tok Pekong" itu tidak boleh di-sebut di-sini kerana soal agama ini bukan masuk dalam soal kebudayaan, tolong sedikit.

Enche' Abdul Ghani bin Ishak: terima kaseh, Tuan Yang di-Pertua, bukan-lah maksud saya hendak menimbulkan soal agama

Mr. Speaker: Mengikut Constitution negeri ini, soal agama masing² berhak.

Enche' Abdul Ghani bin Ishak: . . . jadi, maksud saya sekarang, Tuan Yang di-Pertua, kalau kita hendak menimbulkan satu bangsa yang tunggal dalam Tanah Melayu hendaklah benda ini di-salurkan menerusi pelajaran, menerusi anak² yang kita keluarkan daripada rumah. Saya mengeluarkan sa-orang anak Melayu, sahabat saya dari Ipoh mengeluarkan sa-orang anak India dan sa-orang sahabat saya lagi mengeluarkan sa-orang anak China; dengan perantaraan pelajaran ini-lah dan dengan perantaraan bahasa ini-lah sahaja yang boleh merapatkan betul² persafahaman yang benar² sa-kali dapat di-timbulkan diantara mereka yang bertiga tadi yang akan menggantikan tempat kita pada hari ini. Jadi tidak-lah menasabah, sa-kira-nya kita bangkitkan soal bahasa China, kerana bahasa itu memang ada kapada orang China, dengan tidak mengutamakan bahasa itu pun sa-bahagian besar-nya menggunakan bahasa itu tentu tidak hilang kebudayaan China bagitu juga orang India dan lain² dalam dunia ini. Maksud kita, lebeh² lagi kita bertegas ia-lah dalam tanah ayer ini (Malaya) yang telah merasmikan bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi dalam Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu, itu-lah sahaja yang patut kita salurkan, yang patut kita bahathkan, bagaimanakah benda ini hendak di-cheptakan, bagaimana-kah perkara ini hendak di-majukan, pehak pembangkang patut benar mengeluarkan soal ini, ini soal pendidekan, kerana kuchar-kachir-nya pendidekan menandakan negara kita tidak akan maju pada masa akan datang.

Sa-kian-lah sahaja ucapan saya dalam menyokong Penyata Pelajaran ini, kerana memberi peluang kapada rakan² saya yang hendak berchakap. Mudah²an dalam masa 7-8 tahun yang akan datang, tidak-lah sa-bahagian daripada pehak pembangkang di-tanya oleh pengundi²-nya dalam masaalah bahasa China ini, kerana penggunaan bahasa China atau pun perkembangan bahasa China kita tidak akan salurkan dari pelajaran ini. Anak² yang mendapat pelajaran ini tidak akan membangkitkan perkara ini pada masa akan datang, kerana mereka tahu tujuan ini

ia-lah tujuan yang suchi dan ikhlas kapada kehidupan mereka pada masa yang akan datang.

yang akan kita chakap. Ini, saya terima dengan baik, memang ini-lah kewajiban sa-tiap orang dalam Parlimen ini berchakap dan kemukakan kenyataan (fact) kalau tidak buat begitu, maka menjadi-lah kita ini "Dr. Goebble". Yang Berhormat Menteri Muda Penerangan dan Siaran Radio mengatakan tidak tentu arah-nya Front Socialist Ra'ayat Malaya ini kerana Parti Buroh Malaya memperjuangkan multi-lingualism sedangkan Parti Ra'ayat Malaya tidak memperjuangkan multi-lingualism. Saya ingin menyatakan, terutama kepada Yang Berhormat Menteri Muda itu bahawa di-sini tidak ada Parti Buroh Malaya, di-sini tidak ada Parti Ra'ayat Malaya, bahawa di-sini ada Front Socialist Ra'ayat Malaya dan saya sa-bagai Ketua-nya bertanggon-jawab dalam dasar yang di-perjuangkan itu.

Tuan Yang di-Pertua, kalau parti Buroh Malaya sa-bagaimana kata Menteri Muda itu memperjuangkan multi lingualism barangkali mereka itu memperjuang multi-lingualism itu waktu dahulu, waktu parti Ra'ayat belum ada atau Front Socialist belum ada, tetapi sesudah bergabung kedua² parti itu harus tundok kepada satu chita², kepada satu dasar, yang juga sudah di-bachakan tentang pelajaran ini oleh Ahli Yang Berhormat dari Dato Kramat semalam. Ini, Tuan Yang di-Pertua, ada-lah soal biasa. Dahulu orang memperjuangkan lain tetapi kemudian memperjuangkan lain pula, bahkan, Tuan Yang di-Pertua, itu pun juga berlaku kepada parti yang di-perjuangkan oleh Menteri Muda itu sendiri. Kita maseh belum lupa, Tuan Yang di-Pertua, pada suatu masa dahulu U.M.N.O. sendiri tidak memperjuangkan kemerdekaan. U.M.N.O. sendiri ada-lah memperjuangkan hidup Melayu tetapi Tuan Yang di-Pertua, proses berjalan membawa mereka itu memperjuangkan kemerdekaan. Dapatkah kita katakan bahawa kalau-lah dahulu U.M.N.O. kata Menteri Muda itu memperjuangkan hidup Melayu sampai sekarang juga memperjuangkan hidup Melayu ta' boleh berubah? Inilah yang saya ingin mahu nyatakan kepada Menteri Muda itu dan walau pun, Tuan Yang di-Pertua, kami dari

Front Socialist Ra'ayat Malaya ini terdiri dari parti Buroh dan parti Ra'ayat tetapi harus tundok kepada pimpinan yang satu. Tuan Yang di-Pertua, sampai pada sa'at ini belum sa-orang pun baik dari parti Buroh Malaya mahu pun dari parti Ra'ayat Malaya yang telah keluar dari parti sa-bagai penghianat atau sa-bagai rebel.

Tuan Syed Ja'afar bin Hasan Albar: Parti baharu.

Enche' Ahmad Boestamam: Menteri Muda Penerangan dan Siaran Radio chuba mengelirukan Majlis ini dengan membawa apa yang di-katakan oleh Ahli Yang Berhormat dari Dato Kramat semalam tentang kekurangan buku² dan kekurangan guru² dalam bahasa Kebangsaan. Menteri Muda itu bertanya apa-kah tujuan Ahli Yang Berhormat itu, kita benchi-kah kepada bahasa Kebangsaan itu? Tuan Yang di-Pertua, kalau kita memandang burok-nya saja kita boleh berkata begitu tetapi dari pandangan yang baik tidak-kah itu satu tegoran supaya buku² dan guru² yang mengajar bahasa Kebangsaan itu di-perbanyakkan secepat²-nya. Dan untuk menegakkan hujah²-nya itu Menteri Muda membawa sechekak buku² yang lebih sedikit dari buku² yang ada di-rumah saya sendiri. Ini kata-nya di-keluarkan oleh Dewan Bahasa sa-bagai text book dalam Sekolah² Kebangsaan. Sa-olah² sudah chukup untuk di-pergunakan di-dalam Sekolah² Kebangsaan kita, di-dalam bahasa Kebangsaan.

Mr. Speaker: Sekolah Menengah.

Enche' Ahmad Boestamam: Saya sungguh berasa gumbira kalau apa yang telah di-katakan oleh Menteri Muda Penerangan dan Siaran Radio itu benar. Kalau benar²-lah Sekolah² Menengah kita sekarang ini sudah mempunyai buku yang chukup dalam bahasa Kebangsaan. Saya chukup gumbira malah kalau benar² ini saya katakan mari-lah dari sekarang—dari tahun 1962 kita adakan hanya bahasa Melayu sa-bagai bahasa pengantar, ta' ada bahasa lain kalau benar chukup. Tetapi Tuan Yang di-Pertua, saya bacha muka 49 dalam Laporan 300 (d) yang berbunyi:

"further we note the unanimous opinion of the Professional Consultative Committee

that the present supply of books for Malay-medium classes is unsatisfactory both in quantity and quality."

SA-ORANG AHLI YANG BERTHORMAT: Bahasa Melayu.

Enche' Ahmad Boestamam: Bahasa Melayu-kah atau bahasa apa, entah-lah (*Ketawa*). Ini nyata dalam Jawatan-Kuasa Penyemak Dasar Pelajaran Razak yang di-ketuaï oleh Menteri Pelajaran sendiri, yang di-ketuaï oleh sa-orang yang tentu lebih mengetahui. Tidak-kah ini, Tuan Yang di-Pertua, satu pertentangan di-kalangan sendiri, sa-orang mengatakan sudah chukup, sa-orang mengatakan tidak chukup. Entah-lah, Tuan Yang di-Pertua, saya tidak tahu, mungkin buku² yang dibawa oleh Menteri Muda Penerangan dan Siaran Radio tadi hanya buku² Reprint—apa yang sudah di-keluarkan dahulu di-chetak semula dan di-gunakan untuk text book dalam Sekolah² Menengah kita, ini membahayakan. Tuan Yang di-Pertua, semalam Ahli Yang Berhormat dari Dato' Kramat sudah membachakan beberapa chabutan dalam kenyataan Dasar atas polisi Statement Front Socialist Ra'ayat Malaya. Dengan tegas beliau mengatakan bahawa kami Front Socialist Ra'ayat Malaya mempunyai satu dasar bahawa kami mengini bahasa Kebangsaan dan bahasa rasmi dalam negeri ini—bahasa Melayu. Kami tidak mengini bahasa Melayu itu di-kembangkan oleh apa bahasa juga pun termasuk bahasa Inggeris. Kalau kami mengatakan demikian ini, Tuan Yang di-Pertua, bukan-lah bererti kami tidak menyetujui pelajaran bahasa Inggeris. Sebab, Tuan Yang di-Pertua, berbedza sakali mempelajari satu bahasa dengan menggunakan satu bahasa sa-bagai bahasa rasmi dan bahasa Kebangsaan. Mempelajari soal lain. Kalau kita bawa² soal Indonesia sa-bagaimana pernah dibawa mengutamakan pelajaran bahasa Melayu, Tuan Yang di-Pertua, kita harus faham, kita harus mengerti bahasa Inggeris tidak pernah menjadi bahasa rasmi atau bahasa Kebangsaan atau bahasa pengantar dalam sekolah² di-Indonesia. Memang bahasa Inggeris itu di-galakkan supaya di-pelajari dan kami dari Front Socialist tidak sakali²

melarang bahasa itu di-galakkan. Bahasa Melayu sa-mata² sa-bagai bahasa pengantar dan kami tidak melarang bahasa Inggeris di-jadikan satu mata pelajaran yang di-mestikan tetapi bukan sa-bagai satu bahasa rasmi atau bahasa pengantar. Dan kalau mengikut Penyata Pelajaran yang di-kemukakan itu tidak boleh sebab kata Penyata ini guru² maseh kurang, buku² maseh kurang.

Maka di-sini-lah, Tuan Yang di-Pertua, kita sampai kepada dasar atau asas Penyata ini. Yang Berhormat Menteri Pelajaran menerangkan bahawa asas daripada Penyata ini ada dua. Yang pertama, menaikkan had umur berhenti sekolah. Yang kedua, pelajaran rendah perchuma. Tuan Yang di-Pertua, kalau Penyata ini mempunyai dua asas ini, kami daripada Front Socialist Ra'ayat Malaya memberi sokongan 100 peratus, bukan pada principle tetapi pada keseluruhan-nya. Saya melihat bahawa ada satu lagi principle yang tidak di-sebutkan ia-itu principle menjadikan sekolah² menengah pada masa akan datang mulai tahun 1962 menggunakan bahasa Melayu dan bahasa Inggeris, erti-nya sekolah menengah mulai tahun 1962 hanya menggunakan bahasa penghantar itu, kalau tidak bahasa Melayu, bahasa Inggeris. Tuan Yang di-Pertua, memandangkan kepada kekurangan buku, memandang kepada kekurangan guru untuk sekolah yang menggunakan bahasa Melayu sa-bagai bahasa penghantar-nya dan memandang juga kepada masa hadapan peluang² bagi anak² negeri, kalau ra'ayat negeri ini di-minta memilih satu di-antara dua sekolah menengah yang menggunakan bahasa Melayu sa-bagai bahasa penghantar-nya dan sekolah Inggeris yang menggunakan bahasa Inggeris sa-bagai bahasa penghantar-nya, dalam keadaan saperti sekarang ini, dalam keadaan sa-orang yang hendak menjadi Postman harus tahu darjah 6 sekolah Inggeris, sudah tentu anak² kita masuk sekolah menengah Inggeris. Dan sa-sudah memikirkan pula kalau masuk University menggunakan bahasa Inggeris, sudah tentu orang akan memilih bahasa Inggeris. Di-mana, Tuan Yang di-Pertua, terletak-nya niat yang sunggoh² untuk menjadikan bahasa

Melayu itu bahasa rasmi dan bahasa kebangsaan yang tunggal di-negeri ini sedangkan galakkan dari sekarang tidak di-beri?

Tuan Yang di-Pertua, Perlembagaan kita mengatakan dan sa-orang Ahli Yang Berhormat tadi juga mengatakan bahawa sa-sudah tahun 1967, bahasa Inggeris tidak akan mempunyai tempat lagi dalam negeri ini. Kami memberikan sokongan 100 peratus, kami ingin sa-kali bahkan kalau Perlimen sekarang ini memutuskan sa-sudah tahun 1967, bahasa Inggeris tidak ada lagi. Tetapi, Yang Berhormat Menteri Muda Penerangan dan Siaran Radio sa-malam mengatakan bahasa Inggeris itu bahasa tawanan, hanya di-gunakan untuk sementara waktu, ini juga menggem-birkan saya. Bahasa tawanan yang akan kita gunakan untuk sementara waktu, Tuan Yang di-Pertua, kalau demikian sifat-nya menurut Perlembagaan dan Yang Berhormat Menteri Muda Penerangan dan Siaran Radio, kenapa kalau ia bersifat sementara kita tidak sekat perkembangan-nya dari sekarang? Dalam erti bahawa bahasa Inggeris itu tidak kita jadikan bahasa penghantar dalam sekolah menengah, tetapi hanya kita jadikan bahasa yang di-wajipkan di-pelajari, kenapa tidak? Tuan Yang di-Pertua, memandang dari segi ini, kami mengatakan bahawa sa-chara tidak nampak dan tidak sa-chara langsung Penyata ini dengan memberi keutamaan kepada bahasa Inggeris itu ia-itu bahasa yang akan di-gunakan untuk sementara dalam negeri kita ini, tidak shak lagi, Tuan Yang di-Pertua, menyekat perkembangan bahasa kebangsaan yang hendak kita jadikan bahasa yang tunggal dalam negeri ini. Dan kepada orang yang menyatakan sikap yang demikian itu, Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Kuala Selangor, sa-malam berper² menyelar satu badan yang menyatakan sikap yang demikian ia-itu "Kubu" dia mengatakan, apa "Kubu" itu anggota-nya hanya 50 orang

Enche' Mohamed Dahari bin Haji Mohd. Ali (Kuala Selangor): Tidak sampai pun

Enche' Ahmad Boestamam: tidak sampai pun kata-nya (*Ketawa*)—dia tidak mengerti undang² (*Ketawa*).

Mr. Speaker: Demikian juga tuan sendiri, jangan jawab (*Ketawa*).

Enche' Ahmad Boestamam: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak beri

Mr. Speaker: Jangan di-jawab, biar-kan apa point yang hendak di-chakapkan-nya itu. Proceed!

Enche' Ahmad Boestamam: Tuan Yang di-Pertua, "Kubu" bukan parti politik, "Kubu" tidak berjuang dalam politik, "Kubu" ada-lah badan bahasa, anggota-nya bukan tidak sampai 50 orang bahkan empat kali ganda lebih daripada itu; ini badan bahasa bukan badan politik

Enche' Mohamed Dahari bin Haji Mohd. Ali: Sa-kira-nya di-beri jalan, saya hendak minta penjelasan

Enche' Ahmad Boestamam: sebab sa-bagai

Mr. Speaker: Dia minta kebenaran, tuan beri atau tidak.

Enche' Ahmad Boestamam: Dahulu dia tidak pernah memberi jalan kepada saya. Saya tidak beri (*Ketawa*).

Mr. Speaker: (*To Enche' Mohd. Dahari*) He does not give way, you cannot do that. Proceed!

Enche' Ahmad Boestamam: kalau kita menudoh sa-suatu pehak itu berdasarkan kepada jumlah anggota-nya, kerana anggota-nya sedikit bodoh-lah dia, dan kalau anggota-nya sedikit tidak berguna-lah dia, ini satu pendapat budak². Sebab, kalau kita kira orang yang boleh di-gelar pendita, professor dalam dunia ini tidak banyak jumlah-nya, tetapi, Tuan Yang di-Pertua, kalau pendita dan professor ini men-garang buku, buku² itu di-jadikan buku² sekolah, berjuta orang yang membacha buku itu. Bukan jumlah yang banyak itu menunjukkan kebo-lehan sa-saorang. Wartawan juga begitu, tidak banyak, Ahli Yang Berhormat dari Kuala Selangor itu sa-orang wartawan, beliau tentu tahu wartawan itu tidak banyak, tetapi apa yang terjadi dalam negeri, apa yang terjadi dalam persidangan ini dapat di-ketahui oleh seluroh manusia menerusi wartawan yang sedikit itu. Bilangan yang sedikit itu jangan-lah di-ambil menjadi ukuran. Ahli Yang Berhormat

dari Kuala Selangor juga sa-malam menudoh bahawa Ahli Yang Berhor-mat dari Seberang Selatan kata-nya, Socialist Front ini tidak sanggup penu-karan di-antara satu bahasa ka-satu bahasa untuk masuk sekolah menengah. Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat itu tidak pernah berkata demikian—kami tidak pernah berkata demikian itu. Kami mengatakan penu-karan di-antara satu bahasa penghantar kepada satu bahasa penghantar itu boleh. Sambil itu, Ahli Yang Berhor-mat itu sampai mengemukakan Ketua Socialist Front itu dahulu daripada sekolah Melayu masuk ka-sekolah Inggeris, boleh kata-nya. Ya, Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat itu memang tahu, kerana kami datang dari satu sekolah—sama² di-sekolah itu (*Ketawa*) tetapi saya masuk dahulu sa-tahun daripada beliau, erti-nya saya sudah boleh berkata, "Yes, Sir, Good Morning, Sir" dia masa itu maseh beringus lagi (*Ketawa*).

Enche' Mohamed Dahari bin Haji Mohd. Ali: Itu tidak menjadi ukuran.

Mr. Speaker: Order! order!

Enche' Ahmad Boestamam: Jadi, tidak-lah benar kalau Ahli Yang Berhormat itu mengatakan ia-itu kami mengatakan tidak boleh, kami menga-takan boleh, tetapi kami mahu kepas-tian, kalau kami mahu menukar bahasa penghantar di-antara satu bahasa ka-satu bahasa lain, kami mahu supaya bahasa itu ia-lah bahasa kebangsaan yang tunggal bagi negeri ini ia-itu bahasa Melayu, kalau sanggup mula² tahun 1962 di-adakan demikian, kami menyokong supaya sekolah menengah hanya menggunakan bahasa Melayu, dan kalau tidak sanggup, Tuan Yang di-Pertua, itu-lah sebab-nya kami mengeshorkan supaya usaha peringkat² di-jalankan ka-araf tujuan kita yang asal itu.

Tujuan kita pada tahun 1967 hanya bahasa Melayu yang menjadi bahasa rasmi—bahasa Kebangsaan negeri ini. Usaha ini akan di-lancharkan sejak tahun 1962 dan tahun 1962 sampai tahun 1967, 5 tahun. Jadi, kalau sa-tiap tahun ini kita usahakan membanyak-kan guru², membanyakkan text book, membanyakkan pelajaran bahasa Kebangsaan dalam semua sekolah²;

barangkali beransor² sa-tiap tahun, sa-tiap darjah yang bukan menggunakan bahasa Melayu sa-bagai bahasa penghantar itu boleh di-tukarkan ka-dalam bahasa Melayu dan bila 5 tahun semua-nya sudah bertukar dalam bahasa Melayu. Dan tahun 1967 semua sekolah sudah menggunakan bahasa Melayu sa-bagai bahasa penghantar. Tuan Yang di-Pertua, chadangan ini kami anggap chadangan yang prektikal dan kami mengemukakan chadangan sedemikian ini bukan dengan maksud untuk memancing undi, kerana pendirian kami Tuan Yang di-Pertua, kalau ra'ayat tidak mengundi kepada kami, itu ada-lah peng'adilan daripada ra'ayat. Tetapi kami mengatakan dengan jalan yang demikian, kita boleh benar² dapat semua gulungan, baik gulungan China, gulungan India, baik gulungan siapa; bahasa Inggeris sakali pun. Tetapi amat-lah tidak 'adil, Tuan Yang di-Pertua, kalau sejak tahun 1962 itu penyata pelajaran itu terus di-jalankan, kerana tidak chukup guru², tidak chukup text book dalam bahasa Kebangsaan maka di-masokkan Sekolah Menengah bahasa Inggeris. Itu-lah sikap kami dari Front Socialist, tegas, satu bahasa rasmi dan bahasa Kebangsaan yang tunggal ia-itu bahasa Melayu.

Puan Hajjah Zain binti Sulaiman (Pontian Selatan): Tuan Yang di-Pertua, saya sudah menunggu chukup² sabar-nya, tiba² dengan tidak di-sangka² di-pelawa pula

Mr. Speaker: Tinggalkan-lah itu (*Ketawa*).

Puan Hajjah Zain binti Sulaiman: Tuan Yang di-Pertua, berbagai² perkara yang sudah saya sediakan beberapa hari ini habis sudah di-sapukan, di-sapu, kerana sudah di-ambil oleh beberapa orang kawan² dan juga telah di-ambil oleh Yang Berhormat bekas guru politik saya, Dato' Onn.

Mr. Speaker: Nama tidak boleh di-sebutkan (*Ketawa*).

Puan Hajjah Zain binti Sulaiman: Minta ma'af. Tuan Yang di-Pertua, sekarang hanya sedikit sahaja saya dapat peluang ia-itu menguchapkan tahniah dan tundok dengan segala

hormat-nya memberi selamat kepada Ahli² Jawatan-Kuasa Abdul Rahman Talib yang sembilan orang itu kerana usaha-nya yang chemerlang itu telah mendapat sambutan, kechuali-lah beberapa orang; saya tidak kira kalau di-bandingkan dengan sambutan yang bagini mariah-nya. Tanda-nya, Tuan Yang di-Pertua, kerana kejujoran sembilan orang Jawatan-Kuasa itu membentangkan betul² pendapatan mereka sa-hingga di-chakapkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Setapak betul² apa yang di-katakan oleh Jawatan-Kuasa ini, "buku² memang belum banyak dan buku² itu belum chukup tinggi mutu-nya bagaimana yang di-kehendaki oleh sekolah²." Di-sini-lah jujor-nya Jawatan-Kuasa itu, ini saya sambut dengan sa-penoh hati.

Tuan Yang di-Pertua, samalam sudah saya siapkan macham² benda (*Ketawa*) tetapi sa-sudah kesejokkan ini hanya dapat saya berchakap sedikit sahaja dalam perkara yang di-sentoh² oleh kawan² saya berkenaan pelajaran agama di-sekolah². Pelajaran agama di-dalam Sekolah² Kebangsaan ini yang hendak di-champorkan sekarang, tidak di-cherai²kan macham dahulu, tidak-lah boleh sabarang² guru²-nya. Guru² yang betul² terlatah boleh mengajar pelajaran agama dan tahu memasokkan pelajaran itu ka-dalam jiwa kanak² atau pun murid² sekolah di-Zaman Merdeka ini. Sebab, Tuan Yang di-Pertua, murid² sekolah kita yang akan datang ini bukan murid² zaman saya menjadi Penyelia dahulu. Murid²-nya sudah luas, budak² itu sudah jauh pandangan-nya dan guru²-nya pun mesti bagitu pula. Jangan saperti guru² agama yang pada satu masa, 10 tahun dahulu, di-Training College Perempuan Melaka, yang saya sa-orang Jawatan-Kuasa Penasehat-nya. Guru² perempuan itu mengadu, "Macham mana kami hendak menerima pelajaran agama yang di-beri oleh Pa' Sheikh ini; dia tak tahu chakap Melayu betul. Dia menggunakan kitab² bahasa Melayu berchampor adok dengan bahasa Arab dan kami tidak mengerti apa yang di-maksudkan. Dia hanya mengajar tetapi tidak mengerti hendak memasokkan ajaran". Kalau-lah macham itu rupa-nya guru² agama yang akan mengajar di-Sekolah Kebangsaan dan di-Sekolah² Tinggi yang

akan datang ini tidak akan memberi kesan. Ajaran² itu tidak akan termasuk dalam jiwa dan otak, dan mereka hanya belajar jangan tidak sahaja.

Berkenaan dengan pakaian guru² perempuan dan murid² sekolah, saya tidak bersetuju di-bawa atau di-sentuh dalam Parlimen ini. Pakaian itu ada-lah hak sekolah² menentukan. Tuan yang di-Pertua, bukan saya hendak baca ini, saya hendak tengok point sahaja (*Ketawa*).

Bahasa Inggris, yang ini saya hendak pegang betul². Banyak sangat yang mengejek, konon-nya kalau bahasa Inggris di-agong²kan, kalau di-sama tarafkan dengan bahasa Melayu dia akan membunuh dan membenamkan bahasa Kebangsaan kata-nya. Bahasa Inggris, Tuan Yang di-Pertua, bukan kah bahasa dunia? Seluruh dunia menggunakan bahasa Inggris yang tidak boleh di-tolak begitu sahaja. Tidakkah negara kita yang sudah merdeka ini yang di-perjuangkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita dengan menggunakan bahasa Inggris? Pergi ka-negeri Inggris sana, bukan dia duduk dalam pondok² atau dalam madrasah² berdo'a sahaja. Dia berjuang dengan bahasa Inggris ia-itu bahasa yang telah di-tawan-nya. Bahkan beliau menuntut kemerdekaan Tanah Melayu dengan bahasa itu-lah dan sudah pun mendapat kemenangan. Bahasa Inggris ini di-gunakan untuk faedah negeri kita sendiri, bangsa kita sendiri, negara kita sendiri, bukan untuk di-agongkan, di-dewa²kan atau hendak di-tuankan atau di-misikan.

Tuan Yang di-Pertua, saya sangat bersetuju sa-kira-nya bahasa Inggris itu di-kekalkan supaya tiap² anak kita yang negeri-nya sudah merdeka ini tahu bahasa itu agar sa-taraf dan mulia sama dengan orang² yang tahu bahasa itu di-dalam dunia ini; baharu-lah mereka itu tidak di-kutok, di-kutak-katek dan di-apa²kan oleh bangsa yang tahu bahasa itu, walau pun tidak masa ini. Orang² kita yang sudah kesiangkan yang tidak tahu bahasa Inggris itu di-sini mereka menchercha dan men-chela bahasa itu, tetapi mereka terburu² belajar (*Ketawa*); di-sini mereka menghinakan, di-luar mereka belajar; apa maksud-nya itu? Tuan Yang

di-Pertua, kita tidak mahu munafik, di-sini hinakan tetapi di-belakang muliakan. Bahasa Inggris itu tidak ada apa salah-nya; bahasa Inggris itu satu ilmu, mengapa tidak di-ambil, mengapa pula di-hinakan?

Sa-perkara lagi berkenaan dengan mengajar bahasa Melayu. Ahli Yang Berhormat dari Bachok semalam menerangkan ia-itu sa-buah sekolah, yang beliau ada-lah sa-orang daripada Board of Governors-nya, susah sangat hendak menerima guru² yang boleh mengajar bahasa Melayu dalam sekolah menengah itu, kerana di-sharatkan ia-itu di-kehendaki guru² itu pandai dalam bahasa Inggris. Kata-nya, jangan-lah di-ketatkan sangat, biar-lah mereka itu mengajar di-sekolah menengah asalkan mereka itu tahu bahasa Melayu. Saya tidak bersetuju, kerana tiap² satu yang kita hendak buat itu, bahasa kebangsaan yang kita hendak daulatkan, yang kita hendak tinggikan taraf-nya itu biar-lah di-ajar dengan betul², tidak kachokkan dan kasar. Jadi biar-lah guru yang betul² terlatah yang boleh mengajar anak² kita dan anak² segala bangsa di-sekolah menengah itu, mengajar bahasa Melayu ia-itu bahasa kebangsaan itu jangan-lah sa-barang² orang sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, dalam siaran Radio Malaya, saya ada mengikuti ranchangan mengajar bahasa Melayu kepada orang China dan lain². Mereka itu memilih dalam persedian-nya perkataan² dan ayat²-nya yang terator ia-itu di-beri dalam bahasa Melayu dan di-bachakan dalam bahasa China-nya pula, menerusi ini baharu-lah orang² China itu faham. Begitu juga orang Puteh yang hendak belajar bahasa Melayu, ayat²-nya di-ator dalam bahasa Melayu kemudian di-berikan dalam bahasa Inggris-nya, di-terang dan di-masokkan dalam perasaan dan dalam jiwa orang² yang mendengar menerusi bahasa masing².

Ada sadikit lagi yang hendak saya chakapkan ia-itu Ahli Yang Berhormat dari Dato Kramat. Ia mengatakan semalam atau pagi tadi, saya pun sudah lupa, apabila budak² sekolah itu disuroh memilih pepereksaan dalam bahasa kebangsaan atau pun dalam bahasa Inggris, tentu-lah mereka itu memilih dalam bahasa Inggris, sebab

buku² pada masa in banyak dalam bahasa Inggris dan dalam University pula menggunakan bahasa Inggris.

Apa salah-nya budak² itu memileh masuk peperiksaan dalam bahasa Inggris, (*Ketawa*) biarkan mereka memileh. Kita mithalkan, ada dua sungei, satu sungei bahasa Inggris yang satu sungei bahasa Melayu yang besar dan yang dua lagi kechil² ia-itu sungei bahasa China dan Tamil. Semua sa-kali budak² mengambil peperiksaan dalam bahasa Inggris dan Melayu sebab bahasa Inggris ini di-ketahui oleh hampir² semua pendudok² dalam negeri ini. Masok-lah dalam dua² sungei yang di-mithalkan ini, sungei yang chukup tungkang, perahu dan kapal-nya, dimasoki dahulu dan belayar-lah untuk menchari ilmu pengetahuan dan kemudian bernang-lah balek dalam sungei Melayu, apa salah-nya.

Tuan Yang di-Pertua, sakian-lah kerana saya tidak sangka² dapat berchakap tadi, terima kaseh (*Tepok*).

The Assistant Minister of Labour (Enche' V. Manickavasagam): Mr. Speaker, Sir, I feel proud and have much pleasure in informing this House that at a special meeting of the National Education Indian Schools Development Council, called for the purpose of studying the Education Report, the Council expressed its wholehearted support for the general policy as contained in this Rahman Report. (*Applause*). What has been evolved by the Review Committee was summarised by the National Education Indian Schools Development Council as a very bold and forward move, in order to help the growth of national consciousness and loyalty to one Malayan Nation, while at the same time preserving and sustaining the various cultures of the country.

The Review Committee has recommended: (a) free primary education in each of the four main languages, (b) the teaching of the National language in all schools, (c) and though the secondary education would be through one of the two official languages, the other languages and literature could be taught too. One of the greatest achievements by the Review Committee is

attributable to the manner it has set about to help to mould a common outlook for Malaysians. The youths should be made to intermingle automatically and willingly. This is hoped to be achieved by providing the fullest possible opportunity for children of different racial origins to study together under the same roof.

It was evident for a long time before Malaya became independent that the goal of education was for a white collar job, and the field became so flooded, resulting in a great number of unemployed youths, who were selective of the type of jobs they wanted—this being not a case of unemployment but a case of choosing the type of employment. Therefore, in the old system of education, not only there have been insufficient schools for children particularly in the rural areas but also the system of education has been of a futile character. The child of today requires a type of education to enable it to grasp the fundamentals, even if it be in farming. In this age of scientific advancement, basic education and selective training is a necessity for whatever one may choose to do to earn a living.

The Alliance Government, through its Razak Report of 1956 and now the Rahman Report, has tackled this problem boldly and constructively. With the co-operation of the people, unemployment may be reduced to the absolute minimum by providing facilities in training to suit each child according to his intellectual level of assimilation, his aptitude and taste to fit him for the kind of employment that suits him best. The answer to the entire problem has been found in the appropriate type of training facilities in the vocational, commercial, technical and academical streams at the respective level of Education.

The various races residing in Malaya have remained separated by customs and languages and it is through the sphere of education that a common Malayan outlook and understanding can be achieved. While Malay, the National language of the Federation of Malaya, would serve as a useful vehicle to cement racial relationship and to

conduct our internal administration, the English language, as the co-official language, will help Malaya to a great degree in its indentity among the comity of nations and as the stepping stone to higher technical professions.

Mr. Speaker, Sir, human moral conduct, with thought towards conscious co-operation with others, is a vital phase in a man's physical and spiritual strength as well as survival. Although it requires generations of training to develop this, it is simple if the established principles of moral conduct were taught at an early age. One cannot discard the fact that religious education—whatever form of religion one may profess—is the fountain head of all advancement towards producing responsible citizens.

There cannot be greater manifestations of strong common interests than in fine arts—be it painting, dancing and music. The amusement derived therefrom and the appreciation for each other's culture are claimed to be the greatest solvent of communal differences. These features have not been lost sight of by the Review Committee.

With the provision of these contributory factors, Malaya looks forward to the early fusion of all the races who inhabit this fair land and the development—culturally, economically, socially—in all respects of a personality that is Malayan.

The Minister of Commerce and Industry (Enche' Mohamed Khir bin Johari): Tuan Yang di-Pertua, saya chuma mengambil bahagian yang sedikit sahaja bagi menyokong shor ini. Saya berasa sombong ada-lah menjadi salah sa-orang Jawatan Kuasa bagi mengulang kaji Dasar Pelajaran Razak ini. Saya chuma mengambil peluang bagi menjawab satu dua perkara di-mana nama saya sendiri juga telah di-kaitkan ia-itu saya dapat tahu sa-masa saya tidak ada dalam Rumah ini. Ahli Yang Berhormat daripada Dungun telah menyebutkan nama saya dengan sebab saya menjadi sa-orang anggota Jawatan-Kuasa ini yang mengatakan saya sudah lupa kepada kaum ibu. Jadi, saya suka memberi tahu Ahli Yang Berhormat itu

sampai mati pun saya tidak lupa kaum ibu (*Ketawa*).

Yang kedua-nya, Ahli Yang Berhormat daripada Jetra-Padang Terap telah menyebutkan berkenaan dengan taraf gaji bagi guru² perempuan dengan gaji guru² lelaki. Dan juga Ahli² Yang Berhormat dari lain² kawasan pun telah membawa perkara itu. Saya sendiri berchapak bagi pehak diri saya sendiri, saya bersetuju yang guru² perempuan itu patut-lah menerima gaji yang sama dengan guru² lelaki. Lebih² lagi di-negeri kita ini kaum ibu kalau kita bandingkan dengan kaum bapa, lebih mendapat layanan daripada kaum bapa. Sebab apa yang saya katakan bagitu, kita tengok macham negeri orang puteh; kata-lah si-gadis itu orang puteh, Miss White dan kawin dengan Mr. Black dia jadi Mrs. Black tetapi kita orang Melayu di-sini, ya'ani perempuan kita kalau nama dia Che' Puteh dan kawin dengan Enche' Hitam nama dia Che' Puteh juga.

Wan Mustapha bin Haji Ali (Kelantan Hilir): Mr. Speaker, Sir, I would like to refer to Standing Order 36 (1). A speaker must be relevant and I do not think that reference to Mr. White or Mr. Black is relevant to this matter.

Enche' Mohamed Khir bin Johari: Jadi, itu-lah yang saya chuma hendak memberi tahu. Satu lagi saya hendak bagi chontoh, saya ingat; bagi-lah saya satu minit lagi untuk memberi chontoh kapada kaum ibu di-sini lebih baik daripada lain tempat. Sa-tengah kaum ibu mendapat pangkat Datin, laki-nya itu ta' dapat pangkat Dato' tetapi kalau laki-nya dapat pangkat Dato' bini-nya dengan automatic dapat pangkat Datin. Jadi, itu-lah chontoh-nya.

Sa-lain daripada itu saya telah dengar tadi ketua daripada Front Socialist, Ahli Yang Berhormat daripada Setapak yang menegaskan pendirian parti-nya terhadap soal ini. Saya ta' salahkan Yang Berhormat Menteri Muda Penerangan dan Siaran Radio, sebab dia telah menyentoh sikap Front Socialist dalam hal ini ada-lah bingung. Sebab saya sendiri telah mendengar perbathan yang telah berlaku sa-lama ini dan saya dapati ta' kurang daripada dua Ahli Yang Berhormat daripada Front

Socialist, sa-orang yang telah mengatakan bahawa Report ini atau Penyata ini ia-lah satu "full of insincerity" kata dia dan sa-orang lagi Front Socialist sendiri telah mengopposekan Report—dia telah reject Report ini. Jadi, di-sini kita katakan, kita ta' boleh faham pendirian-nya. Daripada itu pun kita berasa suka sa-telah mendengar penerangan yang baik daripada ketua Front Socialist.

Mr. Speaker, Sir, I would now like to speak a little in English. Sir, you may be surprised to know that the happiest people to receive this Report are probably the people from the Peoples' Progressive Party. I maintain that this is a statement of fact. You may ask me why. I say that they are happy because they see in this Report some material for them to make use of in their campaigns later on, and they see also in this Report some ways whereby they could perpetuate communalism in this country—especially in the constituencies under their control. Sir, we would be deceiving

Mr. Speaker: I must warn you of Standing Order 36 (10) (c) which says that it shall be out of order to use words which are likely to promote feelings of ill-will or hostility between different communities in the Federation. The word "ill-will" is very wide and you should choose your words carefully.

Enche' Lim Kean Siew (Dato Kramat): On a point of order, Sir, I think in this case sub-section (6) would also apply: in other words, he is trying to impute improper motives to the Honourable Member for Ipoh.

Enche' Mohamed Khir Johari: Sir, this Report is not meant for Malays; it is not meant for Chinese; it is not meant for Indians. It is meant for Malaysans, and it is meant for those whose interest is confined to Malaya and Malaya only. That is the crux of the matter. It follows, therefore, that if you look at the Report from the eyes of an overseas Chinese, or overseas Indian, or as an agent of a foreign country, it is a bad Report. But if you look at it through the eyes of a true Malayan, you have got to admit that

it is a good Report. It is good because it is fair. It is fair to the various races that make up this society of ours. It is flexible and this suits the circumstances prevailing in this country. It is fair to the nation and above all it is fair to the child to whom we want to impart this education.

While we may go on talking about culture or language and so on, we must not lose sight of the most important element in any educational system, and that is the child himself. We must ask ourselves whether or not we are preparing that child for something useful in his later life. If we are satisfied that what we are doing for him is good for his later life, then by all means do it: and that is the very thing that this Report seeks to do.

Sir, before we vote on this issue, we should ask ourselves: (1) are we opposed to an educational policy that is aimed at creating a united Malayan nation; (2) are we opposed to the principle of universal free primary education for our children; and (3) are we opposed to the principle of extending the age limit up to 15? If we vote against this motion, it can only mean one thing—that we are opposed to the three main principles which have been recommended by this Report. Thank you.

Wan Mustapha bin Haji Ali: Mr. Speaker, Sir, in principle I support the recommendations by the Education Review Committee. In fact, all P.M.I.P. speakers supported the Report. It was with regret that I noticed some of the back-benchers of the Alliance Party, despite our supporting these recommendations, condemned us. The Member from Jelebu-Jempol criticised the Honourable Member from Bachok for remarking, on the question of qualified teachers, that there were a lot of vacancies for training in language. What we ask is that, in order to make use of these teachers, why not use some of these Malay teachers, despite the fact that they are not qualified in English, by putting them into the primary schools. After all, it is much easier to learn Malay when they speak Malay in the class. We have heard the Deputy Prime Minister state that the

1956 Report was perfect—in fact he was replying to the Honourable Member for Bachok. As a matter of fact, I think one clear point about the 1956 Report is that no mention was made about the Group Teachers in that Report, and I find that Group Teachers are very essential. In fact, it is admitted in the 1960 Review Report, on page 52, paragraph 318, where it is stated:

“ . . . he did perform a host of other multifarious duties which are even to this day essential in maintaining a link between the Chief Education Officer and the schools in remote areas.”

There is in the previous Report no mention about the Group Teachers. No mention was made because they had not introduced an independent Inspectorate; whereas the independent Inspectorate is heading too far, because I find that these Inspectors are directly under the Ministry, and they only give advisory comment direct to the Ministry, with the result that when they visit a school, even when there is a glaring mistake done by the teacher, they will not comment. They just keep quiet, and that is carrying it too far, because paragraph 308 says:

“We have considered the recommendation of the 1956 Report that ‘the Inspectorate shall have no powers to give orders or instructions to the school staff’ and our conclusion is that this position should be maintained.”

The result is that they go just like puppets, and go back to the Ministry in Kuala Lumpur and take two or three months to send their reports to the State, with the result that there is delay in correcting a mistake which can easily be rectified or adjusted at the time the teacher has done the mistake. I hope that the Minister of Education will bear that in mind, because I am sure that was not the purpose or the intention for having the Inspectorate. But somehow or other, because of what is stated in the 1956 Report—on page 8 of the 1956 Report, which I will read, because most Honourable Members have not got it, under paragraph 45 (e):

“(e) that the Inspectors shall report directly to the Minister for Education and be responsible to the Minister for the due performance of their duties;”.

And under (j):

“(j) that the Inspectorate shall have no powers to give orders or instructions to the school staff;”.

It has no power to give orders, but I am sure they can comment when the teachers make obvious mistakes, because even under paragraph 301 of this Review Committee's Report, the word “comment” is used there, and I urge that the Minister will bear that in mind, as time is limited. I just glanced through this Report. I indeed welcome the speech by the Minister of Education that non-Chinese pupils can attend Chinese secondary schools. Why I welcome that is because by that system youths of various races—Malays, Chinese, Arabs, Turks—are brought together to study and work together, and by that intercourse they understand each other, and by understanding there is harmony, and jealousy and racial rivalry would be ousted. I speak from experience, because during my school career I attended kampong school, and then I went to Penang to study in the Francis Light School and from there the Penang Free School, a secondary school where all these students, Chinese, Indians, Malays, study together. I realised that, by mixing and studying together, there arose communal harmony and understanding, and I therefore welcome the speech by the Minister.

As regards the L.C.E., I am of the opinion that this Certificate is not worth the paper on which it is printed, because in 1957 there were about five students who obtained these Certificates but could not be promoted to Standard VIII because they had only “P” in English, whereas they had passed all other subjects. They couldn't get a job—the public regard the L.C.E. as too low. We therefore consider that the Ministry should take into consideration these pupils who have passed the L.C.E., despite the fact that they have obtained only “P” in English, should be given a chance to be promoted. It might be that in that particular instance there were very few schools. On that occasion I spoke to the then Minister of Education, Dato' Abdul Razak, about this matter.

As regards Muslim religious teaching, paragraph 283 of this Report, we consider that two hours per week of teaching of this subject is not enough. You can learn nothing in two hours, and the grant of \$40 per pupil per annum is too low, with the result that very few teachers will apply for the job.

I won't comment on the question of English language, because in fact we have heard this morning on the radio that this subject is quite essential, and there was a lot of fuss about the English language being superior to our National Language—all these things through fear. We have already declared that Malay is the National Language; there is no reason why we should abolish English or try to discourage our children from learning English. After all, knowing two languages is much better than one, and I don't think that, by teaching the National Language as a supplementary language, it will become superior to English, because we have declared Malay as the National Language.

About residential hostels, I hope more residential hostels will be built, and that for this purpose more schools—primary and secondary—will be built in the kampongs, so that rural and kampong folk who have good children can send them to these schools. As it is, we are concentrating only in towns, and it is the privileged classes there who have this privilege, and I hope that the Ministry will see that more schools will be built in the kampongs, especially in the East Coast.

The Minister of Education (Enche' Abdul Rahman bin Haji Talib): Tuan Yang di-Pertua, sa-bagaimana telahan saya pada masa saya mengemukakan chadangan ini ada-lah benar ia-itu perbincangan atas usul ini ada-lah satu perkara yang bersejarah. Sa-kurang²-nya perbincangan chadangan yang saya kemukakan berkenaan dengan Penyata Pelajaran 1960 ini telah memakan masa 3 hari genap. Ini tidak-lah menghairankan, kerana Dasar Pelajaran ada-lah salah satu perkara yang amat penting, perkara yang akan menentukan masa akan datang anak² kita dan perkara yang menentukan juga nasib negeri ini pada masa akan datang. Saya ingin

mengucapkan terima kaseh kepada Ahli² Yang Berhormat yang telah memberi tegoran² yang membena dan mengucapkan terima kaseh kepada rakan² saya yang telah menjawab sa-tengah tuduhan dan tegoran yang di-datangkan oleh Ahli² Yang Berhormat di-atas penyata ini.

Di-dalam perbincangan yang lama ini penyata ini telah di-gelar dengan berbagai nama, terutama sa-kali oleh pehak pembangkang. Ada yang digelar ia-nya sa-bagai kesah duka (tragedy) bagi perkembangan bahasa kebangsaan, ada yang menamakan penyata ini sa-bagai hukum maut kapada kebudayaan dan bahasa China dan ada pula yang menganggap yang ia-nya menjadi satu pengakuan (confession) atau gagal-nya Dasar Razak. Tetapi sa-bilangan ramai-nya mensifatkan penyata ini sa-bagai satu langkah hadapan dalam usaha melaksanakan dasar pelajaran kebangsaan yang menuju ka-arrah perpaduan bangsa.

Tuan Yang di-Pertua, biar-lah saya mengulas satu persatu tuduhan² yang di-kemukakan oleh pehak pembangkang itu. Tudohan yang pertama bahawa penyata ini ia-lah satu pengakuan di-atas gagal-nya Penyata Razak sa-bagaimana yang di-suarakan oleh Ahli Yang Berhormat dari Bachok. Saya suka menafikan tuduhan itu yang mengatakan bahawa Penyata Razak itu telah gagal, kerana tidak ada persediaan² sa-bagaimana yang di-katakan-nya itu. Tuan Yang di-Pertua, yang sa-benarnya, peranchang Penyata Razak itu ada-lah manusia biasa, dan sa-bagaimana manusia biasa mereka ada-lah orang yang perektikal. Jika kita lihat dalam perenggan (8) dalam Penyata Razak itu ada menyebutkan ia-itu tempoh bagi melaksanakan ranchangan yang terkandung dalam penyata itu ia-lah 10 tahun, dan penyata itu di-semak hanya sa-telah berjalan 3 tahun dari tahun 1957 sampai 1959. Maka telah di-dapati dasar yang di-shorkan dalam Penyata itu telah di-jalankan dengan jujur dan jaya-nya mengikut had yang di-untokkan bagi tempoh 3 tahun itu. Dan perkara mengulang kaji samula dasar pelajaran atau pun pelaksanaan bagi Dasar Pelajaran Razak itu juga ada di-sebutkan dalam penyata itu

yang mengatakan hendak-lah di-buat tidak lewat daripada tahun 1959 (not later than 1959). Jadi patut-lah saya sebutkan di-sini ia-itu Penyata Razak itu di-semak bukan-lah di-sebabkan oleh persangka atau sangkaan di-atas Dasar Razak itu atau ada desakan² daripada pehak sa-bagaimana yang di-sangkakan oleh sa-orang Ahli Yang Berhormat daripada Socialist Front. Akan tetapi ia-nya di-semak, kerana menjalankan satu daripada shor² yang di-kemukakan dalam penyata itu sendiri. Dan di-dalam keterangan yang panjang lebar yang di-beri oleh wakil dari Bachok yang menhuba hendak menerangkan bahawa Penyata Razak ini gagal, salah satu daripada-nya ia-lah berkenaan dengan perkembangan bahasa kebangsaan di-sekolah yang bukan kebangsaan. Ia mengatakan bahawa perkembangan itu boleh di-chepatkan lagi, kalau sa-kira-nya Kerajaan menggunakan tenaga guru² Melayu yang lulus di-Maktab Perguruan Tanjong Malim dan Melaka, di-hantar mengajar dalam sekolah² yang saperti itu. Dalam hal itu wakil dari Bachok tidak memahami bahawa perkara ini ada mempunyai dua segi (aspect). Yang pertama, hendak-lah di-pandang daripada segi perkembangan bahasa kebangsaan di-sekolah² yang bukan kebangsaan. Yang kedua, hendak-lah di-pandang daripada segi darjah pelajaran dan mutu pelajaran di-sekolah² kebangsaan kita.

Kalau-lah di-ikut shor Ahli Yang Berhormat itu ia-itu di-tarek semua guru² yang mempunyai kelayakan dan kelulusan daripada Maktab tersebut di-hantar ka-sekolah² yang bukan kebangsaan, maka neschaya jatuh-lah taraf dan mutu pengajaran di-sekolah² kebangsaan kita. Jadi jikalau hendak memahami perkara ini hendak-lah di-pandang daripada dua segi itu, dan sa-imbangkan supaya satu tidak terkorban untuk faedah orang yang lain. Entah-lah barangkali wakil dari Bachok itu tidak hendak mementingkan sangat hal² sekolah kebangsaan kita.

Itu-lah satu daripada perkara yang telah di-kemukakan oleh wakil dari Bachok. Ahli Yang Berhormat dari Ipoh pula, telah menchadangkan supaya penyata ini di-tolak mentah², dengan

alasan ia-itu penyata ini ada-lah sa-bagai satu pukulan maut kepada kebudayaan dan bahasa China. Ia chuba hendak mempengaruhi Dewan ini dan barangkali orang yang di-luar Dewan ini bahawa ia sa-olah²-nya menjadi johan mengawal kebudayaan China.

Sa-balek-nya dia juga-lah yang menghalang dan menolak wujud-nya pelajaran China dengan perchuma bagi kali yang pertama dalam negeri ini dan menahan sekolah² China yang sekarang mendapat bantuan penoh daripada menerima bantuan penoh dengan chadangan supaya Penyata ini di-tolak mentah². Oleh itu, Tuan Yang di-Pertua, sekarang sa-olah² menjadi pengawal bagi kebudayaan dan bahasa China itu sa-mesti-nya ikhlas dan jujur terhadap kebajikan kepada kaum China itu.

Kemudian Ahli Yang Berhormat itu juga salah mentafsirkan dalam Fasal 152 dalam Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu. Hal ini telah di-terangkan dengan panjang lebar oleh Yang Berhormat rakan saya Timbalan Perdana Menteri dan tidak payah-lah saya menerangkan sakali lagi. Tetapi di-dalam masa dia beria² benar hendak mempertahankan Perlembagaan ini dengan nafas yang lain pula dia menchadangkan supaya mengadakan multi lingualism dalam negeri ini, satu perkara yang bertentangan kepada Perlembagaan kerana Perlembagaan sudah menerima ia-itu bahasa Melayu menjadi bahasa Kebangsaan dan bahasa rasmi ada-lah bahasa Melayu, dan bahasa Inggeris buat sementara ini sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, kesah duka atau pun kesah trajidi bagi perkembangan bahasa Kebangsaan telah di-katakan oleh rakan² daripada Front Socialist yang terutama-nya daripada Ahli Yang Berhormat dari Dato Kramat yang dia itu lain. Kesah duka ini, Tuan Yang di-Pertua, hanya boleh berlaku di-sisi Ahli² yang bermimpi kerana Ahli² Yang Berhormat yang berjaga tentu-lah dapat memahami kandungan perenggan 354 yang menjelaskan hasrat Kerajaan hendak mempercheptakan penggunaan bahasa Melayu supaya pada akhir-nya ia

menjadi bahasa pengantar utama di-dalam semua sekolah². Penyata ini sedar bahawa bahasa Melayu tidak dapat di-jadikan bahasa pengantar dalam sekolah melainkan ada guru² yang mahir di-dalam bahasa itu dan yang chukup ilmu pengetahuan untuk mengajar mata pelajaran itu. Dan guru² itu, Tuan Yang di-Pertua, bukan-lah boleh di-keluarkan atau di-lateh dengan sekelip mata.

Sa-orang yang hendak menjadi guru terpaksa-lah dia sekolah menengah dan kemudian di-lateh sa-lama tiga tahun. Pada hal dasar ini baharu berjalan sa-lama tiga tahun. Jadi, dengan kesedaran dan ka-insapan itu-lah maka untuk mencapai maksud chita² Penyata ini ada-lah di-jelaskan bagaimana guru² yang saperti itu di-kehendaki—dapat di-adakan dan shor²-nya ada-lah terkandung dalam perenggan 274 hingga 277. Guru² bagi Sekolah Rendah, guru² bagi Sekolah Menengah, atau pun guru² bahasa ada di-terangkan dengan jelas. Dan untuk meluaskan bagi penggunaan dan perkembangan bahasa Kebangsaan sa-bagai bahasa pengantar di-sekolah² maka perenggan 371 (c) menjelaskan pula azam Kerajaan hendak memulakan darjah² aliran kebangsaan di-Sekolah² Rendah Kerajaan. Dan ini semua-nya bertujuan untuk memperkembangkan bahasa dan penggunaan bahasa Kebangsaan kita.

Tuan Yang di-Pertua, saya tidak-lah berhajat hendak menjawab satu persatu butir² yang telah di-bangkitkan oleh Ahli² Yang Berhormat; barangkali saya hendak berbuat demikian harus-lah memakan masa dua tiga jam kerana masa tidak chukup tetapi biar-lah saya menjawab perkara² yang berbangkit berkenaan dengan dasar² yang di-bangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat itu. Perkara yang pertama yang di-bangkitkan ia-lah dasar menaikkan darjah chara automatic ini. Ramai Ahli² Yang Berhormat telah membawa hujah menentang kenaikan darjah sa-chara automatic ini khas-nya Ahli Yang Berhormat daripada Bachok ia mengeshorkan supaya menaikkan darjah tiap² tahun ini hendak-lah di-adakan dengan jalan pepereksaan dan sa-bagai-nya. Dalam hal ini, perenggan 153 di-dalam Penyata ini menjawab dan menerangkan dengan jelas-nya bahawa fa'edah

pengajaran Sekolah² Menengah itu boleh di-atasi perkara² ini. Di-dalam perenggan 157 menegaskan ia-itu Kementerian saya ada-lah mengikut satu dasar yang menjamin bahawa faedah² pelajaran yang sa-umpama ini akan di-lakukan dengan lebeh luas lagi dalam rancangan bagi melateh guru² dan mengadakan pepereksaan sekolah yang melateh lebeh ramai lagi, ini semua-nya akan membantu pada perkara ini. Sebab Jawatan-Kuasa ini mengambil keputusan itu, ada-lah di-terangkan dengan jelas²-nya di-dalam Penyata ini. Kemudian fikiran yang akhir sakali datang barangkali daripada wakil daripada Setapak yang mengatakan bahawa parti-nya ada-lah sedia menyokong kalau sakira-nya kita adakan dasar menukar dengan sertamerta daripada bahasa pengantar bahasa Inggeris kepada bahasa pengantar bahasa Melayu.

Tuan Yang di-Pertua, dalam hal ini kita mesti-lah perekiktikal, dan barangkali wakil dari Setapak hendak-lah faham bahawa "Education is slow process" tidak dapat perkara ini hendak di-usahakan dengan sertamerta, kerana kesalahan-nya bukan-nya salah Kerajaan yang ada ini. Ini ada-lah pusaka yang kita warithi dari zaman dahulu, dan kerja yang kita hendak laksanakan pada masa sekarang untuk memperbaiki dan membetulkan ini supaya sesuai bagi negeri ini. Jadi, Tuan Yang di-Pertua, dalam perbahathan yang panjang lebar yang memakan tiga hari ini, kita dapat kesimpulan bahawa ada dua pendapat yang bertentangan dalam Dewan ini. Satu gulungan mengatakan bahawa kita terlalu chepat untuk melaksanakan dasar pelajaran kebangsaan dan minta perkara itu di-lambatkan. Satu gulungan lagi mengatakan bahawa kita terlalu lambat dan minta supaya dasar ini di-jalankan dengan lebeh chepat lagi. Jadi nampak-nya kedua² gulungan ini dengan tidak sengaja mengakui bahawa shor² yang di-datangkan dalam penyata ini ada-lah sederhana dan pertengahan (*Tepok*).

Jadi, boleh di-sifatkan bahawa shor² yang terkandung dalam penyata ini boleh-lah di-anggap chadangan² yang boleh di-terima oleh segala ra'ayat negeri ini. Dan boleh-lah di-katakan

ini-lah dasar yang di-kehendaki di-dalam Penyata Razak dahulu. Kesimpulan-nya, sa-bagaimana yang saya katakan tadi, ini ada-lah dasar yang sederhana, yang 'adil dan saksama, dan saya perchaya akan di-terima oleh seluroh penduduk Tanah Melayu yang ta'at setia, sa-kian (*Tepok*).

Question, put and agreed to.

Resolved,

That this House approves in principle the policy recommended in the Report of the Education Review Committee, 1960. (Command Paper No. 26 of 1960).

Mr. Speaker: The House is adjourned to 12th September, 1960 at 10 a.m.

Adjourned at six p.m.